



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2577]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
(Pindaan) [Ruangan 2592]

Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil [Ruangan 2633]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.F.M.J., P.C.M. (Perak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.K.S.J., A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ GENERAL TAN SRI ABDUL HAMID BIN BIDIN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

- Yang Berhormat** TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- .. TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- .. TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- .. DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- .. DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- .. TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- .. DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- .. TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- .. DATUK MANSOR BIN MOHAMED, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- .. TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- .. TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- .. DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- .. DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurina Panglima Raja (Pahang).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- .. TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- .. DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- .. TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- .. DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- .. PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- .. DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- .. DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMED, P.G.D.K. (Sabah).
- .. TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- .. TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- .. PUAN HAJAH CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- .. TUAN S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- .. DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- .. DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- .. PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara : Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha : Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha : Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha : Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting : Yahya Manap.

Penolong Penyunting : P. B. Menon.

Penolong Penyunting : Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 10hb Januari, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

TALIPON AWAM DI LUARBANDAR

1. **Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Perhubungan menyatakan butir-butir rancangan yang terdapat dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk memasang talipon awam di kawasan-kawasan luarbandar, termasuk di ladang-ladang dan kampung-kampung baru.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, rancangan untuk membina talipon-talipon awam di luarbandar, termasuk di ladang-ladang dan kampung-kampung baru, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah dikemukakan oleh Jawatankuasa Tindakan Negeri masing-masing pada tiap-tiap tahun berdasarkan cadangan-cadangan yang dimajukan oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah di negeri-negeri.

Oleh sebab biasanya terlalu banyak jumlah permohonan sedemikian yang diterima dan juga memandangkan perbelanjaan yang tinggi untuk membina talipon-talipon awam itu, maka Kementerian ini tidaklah dapat meluluskan kesemua permohonan yang dikemukakan itu melainkan sebahagian sahaja daripadanya. Asas-asas pertimbangan adalah bergantung kepada harga untuk tiap-tiap pembinaan keutamaannya, serta perakuan oleh Jawatankuasa Tindakan Negeri.

Bagi tahun 1976 Kementerian ini telah meluluskan sejumlah 87 permintaan untuk talipon-talipon luarbandar dengan jumlah harga pembinaannya sebanyak kira-kira \$851,117.00. Jumlah kelulusan ini adalah jumlah yang terbesar sekali sejak tahun 1966.

Berkenaan dengan permintaan-permintaan yang belum diluluskan lagi serta permintaan-permintaan baru yang diterima sebelum akhir tahun 1976, ianya akan dikaji semula dalam bulan Februari untuk rancangan bagi tahun 1977.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian ini sedar bahawa berlaku beberapa kesukaran dan juga boleh jadi keengganan ladang-ladang besar terutama sekali ladang Eropah membenarkan pemasangan pondok-pondok talipon di kawasan itu untuk pekerja-pekerjanya.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang diketahui, Kementerian ini tidak ada mendapat maklumat mengenai perkara yang sedemikian.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan apakah cara Kementerian mengatasi kemungkinan selalunya rosak talipon-talipon orang ramai ini dipasang di luar bandar yang berpunca daripada mungkin kerana orang-orang ini tidak tahu mengguna atau kerana pengkhianatan satu-satu golongan yang tertentu. Bagaimanakah cara mengatasi untuk mengelakkan daripada kemungkinan berlaku seperti ini dan kalau berlaku sesuatu kerosakan akibatnya orang ramai susah hendak menggunakan faedah talipon itu.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan Kementerian kerosakan-kerosakan yang berlaku itu ada beberapa sebab. Pertama sekali berlaku satu-satu kejadian seperti kejadian bencana alam iaitu ribut atau seumpamanya yang menyebabkan pokok-pokok tumbang dan menimpa talian-talian dan sebahagian daripadanya adalah memang benar disebabkan berlakunya perbuatan yang nakal yang

dilakukan oleh setengah-setengah penduduk-penduduk ataupun orang-orang yang berkenaan di tempat itu yang menggunakan pondok-pondok talipon awam itu.

Walau bagaimanapun, untuk mengatasi masaalah ini terutama sekali kita memanglah berharap kerjasama dari semua pihak orang awam yang menggunakan talipon-talipon awam ini. Selain daripada itu, pihak Kementerian juga cuba mencari ikhtiar seberapa boleh meletakkan talipon-talipon awam itu di tempat-tempat yang difikirkan lebih selamat yakni berhampiran dengan pondok polis, balai polis dan seumpamanya atau berhampiran dengan rumah-rumah penghulu atau ketua-ketua kampung supaya keselamatan pondok-pondok talipon itu dapat lebih terjamin.

PEMERIKSAAN "BIOPSY SPECIMENS" DARI HOSPITAL-HOSPITAL

2. **Datuk Dr Wee Khoo Hock** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Menteri sedar specimen biopsy yang dihantar ke Jabatan Pathology Kuala Lumpur untuk diagnosa daripada hospital-hospital Pantai Timur khususnya Hospital Besar Kota Bharu dan jawapan atau laporannya selalu lewat hampir 3 minggu baharulah sampai ke Hospital yang menghantar. Ini telah mengakibatkan doktor-doktor tidak dapat memberi rawatan yang sesuai kepada pesakit dan masa yang penting dan berharga telahpun disesiatkan. Jika ia, apa langkah akan diambil untuk memperbaiki keadaan itu.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, tidak, saya tidak sedar. Semua laporan mengenai "biopsy specimens" daripada hospital-hospital di Kelantan adalah dibuat oleh Pakar Kajipenyakit yang ada ditempatkan di Kota Bharu. "Specimens" bagi pemeriksaan "histopathology" adalah diproses, diperiksa dan dilapurkan oleh Pakar Kajipenyakit tempatan. Hanya kes-kes yang berkehendakkan pendapat kedua dihantar ke Pusat Penyelidikan Perubatan Kuala Lumpur. Apabila Pakar Kajipenyakit di Kota Bharu pergi bercuti rehat, barulah "biopsy specimens" itu dihantar ke Pusat Penyelidikan Perubatan Kuala Lumpur untuk peperiksaan.

Laporan "Slides" yang dirujukkan bagi pendapat kedua atau laporan mengenai "biopsy specimens" biasa yang dihantar

dalam masa Pakar Kajipenyakit di Kota Bharu itu bercuti rehat adalah dibuat oleh Pusat Penyelidikan Perubatan dalam masa antara 48-72 jam selepas penerimaan "specimens" itu, dengan syarat "specimens" yang diterima itu di dalam keadaan yang memuaskan untuk pemeriksaan.

PERMIT KERJA

3. **Tuan V. SM. Vellayappa** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Menteri sedar bahawa ramai pekerja-pekerja estet menghadapi kesulitan meneruskan pekerjaan kerana tidak dapat membaharui Permit Kerja kerana majikan-majikan enggan menyokong mereka untuk membaharui Pas Kerja semasa menunggu keputusan permohonan Sijil Kerakyataan walaupun mereka ini telah berkhidmat beberapa tahun di estet itu.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Akta (Sekatan) Kerja, 1968 telah diadakan dengan tujuan hendak memberikan peluang pekerjaan yang lebih baik kepada warganegara dengan mengadakan sekatan kerja terhadap bukan warganegara, namun demikian adalah menjadi hak seseorang majikan itu untuk menggaji sesiapa juga yang disukainya atau menyokong atau tidak menyokong permohonan pembaharuan permit kerja mana-mana juga pekerjanya. Walau bagaimanapun, jika seseorang majikan itu hendak menggaji seseorang bukan warganegara yang memegang kad pengenalan merah atau membenarkannya terus-menerus bekerja dengannya, majikan itu mestilah mengemukakan permohonan ke Kementerian saya, untuk dipertimbangkan.

Setengah-tengah majikan termasuk majikan ladang mungkin enggan menyokong permohonan untuk lanjutan permit-permit kerja oleh kerana warganegara ada untuk pekerjaan berkenaan. Walau bagaimanapun, permit-permit kerja adalah dikeluarkan kepada bukan warganegara yang bertaraf penduduk tetap jika tidak ada warganegara untuk pekerjaan tersebut atau dalam kes-kes yang layak dikeluarkan permit atas alasan belas-kasih. Permit-permit kerja akan terus-menerus dikeluarkan untuk tempoh dua tahun tiap-tiap satu kepada bukan

warganegara yang kini adalah pemegang-pemegang permit kerja apabila luput permit-permit mereka, jika pemegang-pemegang permit itu termasuk dalam mana-mana golongan berikut:

- (a) isteri warganegara.
- (b) mereka yang lahir di negara ini dan berhak mendapat kerakyatan di bawah Article 16 Perlembagaan.
- (c) mereka yang lahir di negara ini, berumur di bawah 21 tahun dan berhak mendapat kerakyatan di bawah Article (15) (3) Perlembagaan.
- (d) mereka yang berhak menjadi warganegara secara pendaftaran dan telah memohon kerakyatan sebelum 1hb Julai, 1969.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah beberapa rancangan pada masa akan datang iaitu pekerja-pekerja yang sudah memegang jawatan-jawatan 15 tahun ke atas work permits ini tidak payah dipakai.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain daripada soalan asal.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi saya ingin mengemukakan soalan tambahan iaitu berhubung dengan Akta (Sekatan) Kerja. Oleh sebab negara kita ini sedang membangun dan kita berkehendakkan tenaga buruh terutama buruh kasar, bolehkah Kementerian ini mengkaji semula Akta (Sekatan) Kerja ini supaya dilonggarkan sedikit dan memberikan keutungan kepada negara kita.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, jikalau perlu kami akan timbangkan soal ini.

PEJABAT IMIGERESEN IPOH

4. **Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa Pejabat Imigresen Ipoh, adalah terlalu sempit dan jika ya, samada beliau mempunyai rancangan untuk membesarkan pejabat ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini memang sedar tentang

Pejabat Imigresen di Ipoh itu sempit. Bagaimanapun, Pejabat ini akan mendapat ruangan yang lebih luas apabila bangunan baru Persekutuan di Ipoh siap dibina kelak.

FELDA—TANAH BERCUCUK TANAM

5. **Tuan T. S. Gabriel** bertanya kepada Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah adakah beliau sedar terdapat rungutan daripada kalangan peserta-peserta dari beberapa buah rancangan FELDA bahawa 2 atau 3 ekar tanah yang diberi kepada mereka untuk tujuan bercucuk-tanam tidak berapa baik dan mereka tidak mendapat sebarang nasihat daripada pegawai-pegawai FELDA untuk memajukan tanah tersebut, dan maka dengan sebab itu tanah di dalam kawasannya itu tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada mereka dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil dalam perkara ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan bahawa pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah belum menerima apa-apa rungutan daripada peneroka-peneroka yang menyatakan kawasan rizab seluas 2 ekar yang diuntukkan kepada mereka itu didapati tidak sesuai untuk bercucuk-tanam. FELDA telahpun mengambil tindakan untuk memajukan kawasan-kawasan rizab dengan tanaman utama seperti sawit dan getah. Pada hari ini cuma ada 3 rancangan sahaja di mana kawasan rizabnya belum dimajukan oleh FELDA untuk maksud tersebut. Di beberapa rancangan seperti di Rancangan Kemendore, Guar Napai dan Batu Lapan, kawasan-kawasan rizab telahpun diperuntukkan terus kepada peneroka-peneroka dan mereka telahpun menanam kawasan tersebut dengan tanaman getah atau tanaman-tanaman yang lain. Di Chalok pula peneroka-peneroka sendiri akan memajukan kawasan rizab mereka. Mengenai nasihat dan pimpinan pertanian, peneroka sekalian adalah sentiasa diberi bimbingan oleh kakitangan FELDA di peringkat Rancangan juga di peringkat Wilayah dan Ibu Pejabat. Pegawai-pegawai Penyelidikan FELDA sentiasa melawat rancangan di mana didapati masaalah-masaalah pertanian dan memberi nasihat kepada peneroka-peneroka sekalian.

Walaupun bagaimanapun Ahli Yang Berhormat jika sekiranya Ahli Yang Berhormat mengetahui di mana peneroka-peneroka tidak mendapat nasihat tersebut, saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat memberitahu kepada pihak Kementerian atau saya sendiri nama rancangan itu supaya dapat dihantar kakitangan-kakitangan untuk memberikan tunjuk ajar yang dikehendaki.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan sedar bahawa kawasan rizab dua atau tiga ekar ini pada asalnya dahulu FELDA bercadang hendak membuat projek dusun. Kenapakah FELDA alihkan kepada getah dan kelapa sawit bagaimana yang ada sekarang?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah benar terutama sekali di kawasan Johor. Pada asalnya memanglah FELDA hendak mengadakan kawasan dusun untuk peneroka-peneroka FELDA tetapi didapati banyak kawasan-kawasan rizab yang diuntukkan menjadi dusun ini yang menjadi hutan balik dan oleh kerana itu FELDA telah menanamkan dengan kelapa sawit dan getah dan kawasan-kawasan ini diberi balik kepada peneroka dan dengan cara begini mereka dapat keuntungan yang berlebihan.

CUKAI PERLINDUNGAN (TARIFF PROTECTION)

6. Tuan T. S. Gabriel bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengapakah pengilang-pengilang kita setelah mendapat lesen-lesen untuk menjalankan kilang-kilang mereka dan setelah diberi cukai perlindungan (tariff protection) menjual barang-barang keluaran mereka dengan harga yang tinggi daripada barang-barang yang diimport.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian didapati bahawa keadaan perbezaan harga itu telah timbul oleh sebab-sebab berikut:

- (i) kos pengeluaran yang lebih tinggi yang dialami oleh pengeluar-pengeluar tempatan; dan

- (ii) dasar harga ekseptor yang lebih rendah yang diamalkan oleh pembekal-pembekal asing yang mana adalah didasarkan kepada "marginal costing" atau "kos sut".

Mengenai kos pengeluaran yang lebih tinggi, ianya adalah terutamanya disebabkan oleh daya pengeluaran yang rendah kilang-kilang tempatan sendiri. Keadaan ini telah timbul oleh kerana had pasaran tempatan yang kecil dan kilang-kilang tempatan tidak dapat menikmati pengeluaran mengikut "economies of scale" sebagaimana kilang-kilang besar di negara-negara maju yang membekalkan barang-barang di pasaran antarabangsa yang luas. Di samping itu, sebahagian besar kilang-kilang tempatan adalah bergantung kepada sumber-sumber luar negeri untuk mendapatkan bekalan bahan-bahan mentah mereka. Harga bahan-bahan mentah ini adalah dipengaruhi sepenuhnya oleh kos pengeluaran di negara-negara tempat asalnya yang mana kilang-kilang tempatan tidak dapat mengawalinya.

Mengenai harga ekseptor yang lebih rendah yang ditawarkan oleh pembekal-pembekal luar negeri, ianya telah dapat dilaksanakan oleh kerana kilang-kilang besar di negara-negara maju seperti Jepun berpeluang menikmati sepenuhnya faktor "economies of scale". Di samping itu, mereka juga mempunyai pasaran tempatan yang luas yang boleh menampung pengeluaran kilang-kilang tersebut. Dalam hal ini sukalah saya terangkan bahawa adalah menjadi dasar kilang-kilang besar di negara-negara maju menetapkan harga ekseptor yang lebih rendah daripada harga yang dijual di pasaran tempatan mereka sendiri. Ini telah dilakukan dengan tujuan untuk menguasai pasaran di negara-negara yang kurang maju seperti Malaysia atau merampasnya dari kilang-kilang tempatan yang mengeluarkan barang-barang yang sama. Selain daripada sebab-sebab di atas, keadaan harga yang murah bagi barang-barang yang diimport juga ada disebabkan oleh perbuatan lambakan (dumping) oleh kilang-kilang besar luar negeri tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perlindungan tariff adalah diberi dengan tujuan untuk menggalakkan perkembangan industri-industri tempatan dan untuk membolehkan pengeluar-pengeluar tempatan bertanding dengan pengeluar-pengeluar daripada luar negeri yang lebih besar dan

berpengalaman. Walau bagaimanapun, untuk menjamin supaya pengeluaran-pengeluaran tempatan tidak menyalahgunakan perlindungan yang diberikan, Kerajaan akan memastikan supaya mereka tidak menaikkan harga pengeluaran mereka itu dengan terlalu tinggi. Di samping itu sebarang kenaikan harga barang-barang keluaran syarikat-syarikat yang diberi perlindungan tarif akan terlebih dahulu dirujuk kepada Kementerian saya untuk pertimbangan dan kelulusan.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Soalan tambahan. Di dalam jawapan Timbalan Menteri tadi mengatakan setengah-setengah daripada benda yang dijadikan komponen benda-benda yang dibuat di sini datangnya dari luar negeri dan harga barang-barang itu ditentukan oleh industri di luar negeri tetapi kerap didapati barang-barang yang dibuat di dalam negeri mutunya lebih rendah daripada barang-barang yang diimport terus dari luar negeri sedangkan kosnya pun kalau ditolak cukai adalah lebih tinggi. Ini bermakna hidup atau matinya industri tempatan ini telah diongkosi oleh pembeli-pembeli yang tak bersalah. Jadi, maksud saya adakah perlindungan tarif yang didapati ini telah menyebabkan harga barang-barang lebih mahal dan mutunya barangkali lebih rendah?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa bahan-bahan pengeluaran kita itu kurang mutunya daripada barang-barang dari luar negeri, saya kurang bersetuju kerana apa yang kita dapati mutu daripada pengeluaran barang-barang kita semakin hari telah bertambah baik dan buktinya banyak daripada hasil pengeluaran kilang-kilang kita itu walaupun dapat pasaran yang baik di luar negeri dan mutunya boleh dikatakan setanding dengan mutu yang dihasilkan oleh kilang-kilang di luar negeri dan harganya pula adalah boleh dikatakan competitive pengeluar di luar negeri. Namun demikian, jika masih ada lagi unsur mutunya yang kurang baik sebagaimana disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu kita akan berusaha agar mutu tersebut dapat diperbaiki daripada semasa ke semasa. Apatah lagi hasrat kita dari segi pengeluaran perkilangan kita ini memandangkan pasaran yang ada kita bertujuan pada masa-masa yang akan datang lebih banyak lagi hasil-hasil pengeluaran kita itu akan dapat diekspot ke luar negeri

bagi kegunaan pengguna-pengguna di serata dunia. Dan kalau Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa dengan perlindungan tarif ini maka ini telah menyebabkan hasil pengeluaran kita mahal dan mutunya menjadi rendah, itu saya suka menafikan malah tujuan daripada perlindungan ini atau tarif yang diberikan itu adalah untuk membantu industri-industri supaya dapat mengeluarkan keluarannya dengan kadar dan harga yang berpatutan dan juga untuk menjaga mutu daripada keluaran itu diperbaiki daripada semasa ke semasa.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Soalan tambahan. Timbalan Menteri berkenaan itu memberi dua hujjah yang berlawanan kalau kita faham. Hujjah yang pertama beliau mengatakan bahawa mutu pengeluaran Malaysia ini baik sebab itulah barang Malaysia ini laku di dunia dan pasarannya bagus di luar negeri tetapi apabila kita bercakap berkenaan dengan harga, Timbalan Menteri yang berkenaan beri lain gambaran, harganya mahal kerana pasaran tidak cukup di luar negeri. Jadi kita terpaksa jual barang kita dalam negeri sahaja, negeri kita kecil pembelinya tak banyak. Jadi itulah sebabnya harga barang-barang kita mahal. Ini bermakna apabila dihujjah berkenaan dengan barang mahal disabitkan kerana pasarannya kecil dalam negeri sahaja, tetapi apabila bercakap fasal mutu baik, Timbalan Menteri yang berkenaan kata "oh mutu barang kita baik, sebab itu barang kita laku di luar negeri". Jadi mana satu yang betul, adakah mutu yang baik dapat pasaran yang banyak di luar negeri dan kalau sekiranya dapat pasaran banyak di luar negeri bermakna barang-barang kita harganya murah, tak payah dijual dengan harga yang mahal lagi, sebab pasaran kita luas. Tetapi kalau sekiranya pasaran tidak luas barang kita mahal, jadi hujjah yang mana Timbalan Menteri yang berkenaan hendak pegang?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, baik pasarannya mahupun mutunya yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi betul. Pasaran kita di dalam negeri ini bagi setengah-setengah barang nampaknya semakin hari semakin kecil dan oleh itu usaha-usaha hendaklah dijalankan bagi memperluaskan pasaran barang-barang ini dan salah satu cara bagi meluaskan pasarnya ialah bagi menggalakkan barang-barang itu diekspot ke negara-negara yang

boleh menggunakan barang tersebut dan dengan cara demikian sudah tentu kita dapat membantu industri-industri itu terus wujud dan berkembang. Dari segi mutu keluaran kita ini saya katakan tadi mutunya baik tetapi masih ada lagi kekurangan kerana dari segi pengguna-pengguna adalah mereka yang menentukan samada mutu barang-barang itu sesuai dengan harga dan keperluan mereka sendiri. Jadi dari segi mutu itu juga kita memang hendak pelihara agar mutu pengeluaran kita itu sentiasa bertambah baik, dengan sebab itu Kerajaan telah menubuhkan SIRIM bagi menentukan kualiti daripada barang-barang kita itu.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Saya hendak tambah sedikit soalan lagi supaya jawapan Timbalan Menteri itu lebih tegas, kita keluarkan satu contoh dan saya hendak bertanya dengan contoh, sekarang kita buat satu contoh berkenaan motokar. Kita beri kebenaran buka kilang pemasangan motokar di dalam negara kita ini. Motokar yang dipasang di dalam negara kita ini lebih mahal harganya daripada motokar yang dibuat di negeri Jepun sehingga terpaksa Kerajaan meletakkan tarif yang tinggi supaya kereta yang dipasang di Malaysia ini boleh menandingi harga kereta di luar negeri dari negeri Jepun. Ini bermakna kita ada pemasangan kereta dalam negara kita tetapi kita terpaksa beli motokar yang mahal. Dalam negeri Jepun dibuat kereta dengan murah dan boleh dihantar ke sini dengan harga lebih kurang sama dengan kereta yang dipasang di sini. Jadi, makna daripada segi harga kereta kita mahal, dari segi mutu kereta yang dibuat di sini walaupun bahan kepingan itu datang daripada negeri Jepun tetapi mutunya lebih rendah daripada mutu yang dibuat di negeri Amerika umpamanya ataupun kilang Jepun juga yang dibuat di negeri-negeri lain, kereta yang dihantar ke Australia misalnya mutunya lebih tinggi. Jadi, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan tolong lebih jelaskan dengan lebih mudah lagi supaya kita dapat faham bagaimana perkara ini menjadi kompleks begitu.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau diberi contoh tentang motokar, kalau motokar itu dibawa secara completely built unit (CBU), itu sudah tentu ada perbezaan harga dengan completely knocked-down unit (CKD) kerana bagi kegunaan industri-industri pemasangan

kereta yang terdapat di dalam negeri kita ini mereka membawa CKD unit dan kita dapati kos bagi membungkus (packing) CKD unit ini adalah satu element yang besar juga di setengah-setengah negeri mengeluarkan barang-barang ini. Maka dengan sebab itu didapati ada perbezaan harga di antara motokar yang dibawa masuk sebagai CBU unit dengan motokar yang dibawa secara CKD dan ditambah pula dengan kos pengeluaran tempatan untuk assemblynya. Ini satu kenyataan yang mesti kita terima. Dari segi kilang-kilang pemasangan kereta ini tujuan kita mengujudkan kilang-kilang pemasangan kereta ini bukan semata-mata bagi membolehkan negara ini memasang kereta-kereta bagi kegunaan rakyatnya tetapi juga ada tujuan-tujuan kita yang lain terutama dari segi kita hendak menyelesaikan atau hendak mengurangkan kadar pengangguran yang ada di negara kita ini dan kita dapati bahawa perusahaan ini telah dapat membantu kerana ia merupakan perusahaan-perusahaan yang agak labour intensive di dalam hal ini.

YUNIT RELA

7. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan bahawa Kementerian ini bercadang untuk menubuhkan sebuah pasukan yunit RELA bergerak:

- (a) samada pasukan yunit ini akan dilengkapi dengan bekalan senjata yang cukup;
- (b) samada anggota-anggota pasukan yunit ini akan dilengkapi dengan pakaian seragam yang sempurna; dan
- (c) samada anggota-anggota pasukan yunit ini akan diberi elaun apabila mereka menjalani tugas.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk menubuhkan yunit-yunit bergerak RELA di kawasan-kawasan yang sensitif dan selepas itu akan menubuhkan yunit ini di seluruh daerah yang lain di Semenanjung Malaysia. Tujuan diadakan yunit ini ialah untuk diberi latihan mendalam dan lengkap bagi membantu Pasukan Keselamatan dalam masa tergepar atau darurat apabila satu-satu kawasan diserang

musuh ataupun malapetaka, dan juga mereka ini menjadi ketua-ketua yang terlatih kepada unit-unit RELA yang lain. Pada masa sekarang, unit ini akan dilengkapkan dengan senjata api senapang patah dan jika difikirkan perlu mereka akan dibekalkan dengan senjata api yang lain yang moden.

- (b) Pihak RELA memang ada cadangan melengkapkan unit ini dengan pakaian seragam yang sempurna dalam masa bertugas tetapi belum ada apa-apa keputusan.
- (c) Pada masa mereka bertugas, dicadangkan juga mereka akan diberi elaun mengikut kadar yang diluluskan oleh pihak Kerajaan iaitu elaun sebagai gantirugi mata pencarian mereka.

HUBUNGAN BAIK MALAYSIA/THAILAND

8. Datuk Dr Wee Khoon Hock minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan dengan pemulihan hubungan yang baik antara Thailand dan Malaysia, samada Menteri berkenaan dapat membuat perhubungan peribadi dengan Kerajaan Thailand atas kerjasama dengan lebih rapat untuk mencegah menyeludupkan senjata, dadah dan lain-lain oleh anasir-anasir jahat dan menghapuskan anasir-anasir anti-national di sempadan Malaysia-Thai yang sedang mengancam perkembangan ekonomi dan keselamatan Negara.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perhubungan baik antara Malaysia dengan Thailand memang sudah ujud. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah melawat Bangkok pada 4hb November, 1976 dan bertemu dengan Perdana Menteri Thailand yang baru serta lain-lain pemimpin negara tersebut. Yang Berhormat Menteri dapat juga berbincang dengan pemimpin-pemimpin negara tersebut berkenaan dengan masaalah bersama Malaysia/Thailand. Pada 29hb November, 1976 Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn telah berunding dengan Perdana Menteri Thailand di Pulau Pinang dan telah bersetuju pada dasarnya kepada satu perjanjian sempadan yang baru. Pada 10hb November, 1976 Jawatankuasa Am Bersama Malaysia/Thailand telah bersidang di Pulau Pinang dan bersetuju untuk meningkatkan lagi kerjasama antara kedua-dua negara bagi

menghapuskan musuh bersama di perbatasan Malaysia/Thailand. Kerjasama ini termasuklah pencegahan penyeludupan senjata api, dadah dan lain-lain lagi.

KENAIKAN PANGKAT ANGGOTA POLIS

9. Tuan T. S. Gabriel bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengapakah kursus-kursus untuk kenaikan pangkat dari mata-mata ke kopral, dari kopral ke sarjan dan kursus inspektor polis percubaan tidak diadakan lagi seperti dulu dalam Pasukan Polis Di Raja Malaysia sekarang. Adakah beliau sedar bahawa ramai anggota-anggota Pasukan ini yang berkelayakan untuk naik pangkat tidak mendapat peluang ini.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada tahun 1968, kenaikan pangkat di peringkat pegawai rendah polis dan konstabal (iaitu konstabal ke kopral dan kopral ke sarjan) adalah melalui kursus kenaikan pangkat. Dasar yang diamalkan pada ketika itu ialah hanya mata-mata dan kopral-kopral yang lulus kursus itu sahaja layak untuk dipertimbangkan naik pangkat.

Dalam mengamalkan peraturan ini, adalah didapati beberapa masaalah telah timbul seperti kesulitan mengaturkan kursus-kursus tersebut. Ini telah mengendalakan peraturan itu dan menutup peluang ramai mata-mata untuk layak menghadiri temuduga bagi naik pangkat. Dalam pada itu pula adalah didapati bahawa anggota-anggota yang berjaya dalam kursus kenaikan pangkat itu tidak semestinya anggota-anggota yang baik untuk menyandang jawatan pangkat yang lebih tinggi.

Selepas tahun 1968, kursus kenaikan pangkat telah dihapuskan. Walau bagaimanapun kajian mendalam kenaikan pangkat di peringkat konstabal ke kopral dan kopral ke sarjan tetap diadakan di mana kajian kenaikan pangkat ini dijalankan dengan cara diadakan temuduga terhadap anggota-anggota yang dapat memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan mengikut sekim perkhidmatan pegawai rendah polis dan konstabal. Hingga sekarang sistem naik pangkat ini nampaknya memberi kepuasan kepada semua pihak.

Begitu juga kursus Inspektor Pelatih Percubaan telah dihapuskan dalam tahun sebelum 1968. Walau bagaimanapun mengikut sekim perkhidmatan pegawai rendah polis dan konstabal, sebarang anggota Polis yang berkelayakan serta memenuhi syarat-syarat yang ditentukan di bawah sekim perkhidmatan adalah layak untuk dilantik ke jawatan Inspektor tanpa mengikuti sebarang kursus. Syarat-syarat yang dikenakan kepada pegawai rendah polis untuk jawatan Inspektor ini adalah mempunyai incentive yang lebih baik daripada syarat-syarat yang dikenakan kepada calon-calon awam yang minta terus jawatan Inspektor.

Walaupun bagaimanapun kursus-kursus ulang-kaji dan seminar-seminar tetap diadakan terutama sekali bagi anggota-anggota yang baru dinaikkan pangkat supaya mereka dapat menyesuaikan diri menjalankan tugas jawatan yang bertaraf tinggi itu.

Sungguhpun kursus kenaikan pangkat telah dihapuskan, adalah dijamin bahawa tidak ada seorang anggota pun yang berkelayakan dinaikkan pangkat tidak diberi peluang untuk dinaikkan pangkat ataupun telah dinaikkan untuk kenaikan pangkat.

Tuan T.S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bahawa kursus semula (retraining course) bagi anggota-anggota Polis tidak ada pada masa sekarang seperti dahulu. Dahulunya lepas 10 tahun atau 15 tahun anggota-anggota polis telah dihantar berkursus semula (retraining course), ini dari segi pelajaran undang-undang, latihan kawat dan sebagainya menaikkan banyak semangat pasukan polis yang telah berkhidmat 15 tahun ke atas. Adakah apa-apa rancangan pada masa akan datang Kementerian berkenaan akan mengadakan balik retraining courses kepada anggota-anggota polis.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Yang Berhormat telah lama meninggalkan polis, kursus ini memang ada. Bagi pegawai kita adakan di Kuala Kubu Bharu dan ada juga di seberang laut. Bagi mata-mata kita adakan di Police Depot. Mungkin kursus yang mata-mata itu tidak begitu banyak seperti yang diharapkan, kerana di Depot juga pada waktu ini kita sedang melatih rekrut yang baru; mengikut arahan yang baru ini sekurang-kurangnya

apabila tamat Rancangan Malaysia Ketiga kita harap dapat melatih rekrut baru sejumlah 27,000 orang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (7hb Januari, 1977).

3.10 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, pada masa Rang Undang-undang ini dibahaskan saya pada masa itu cuba hendak menerangkan kepada Dewan ini beberapa perkara yang berkaitan dengan perubahan dasar dalam Perbadanan-perbadanan Kerajaan kita iaitu Perbadanan FAMA, Perbadanan MAJUJUKAN, Perbadanan MAJUTERNAK dan sebagainya.

Pada masa Persidangan ditangguhkan saya cuba menerangkan kepada Dewan ini iaitu Kerajaan kita lebih merupakan, kalau badan manusia ialah lebih merupakan satu jantung yang menghidupkan badan itu. Jantung yang mengempamkan darah ke seluruh badan dan badan itu boleh bernyawa, boleh bergerak dan boleh hidup dengan kerana perjalanan darah yang begitu kuat. Tetapi apabila salah satu daripada anggota kita badan itu dimasuki kuman yang berpenyakit maka darah yang bersih daripada jantung itu yang pergi kepada anggota itu akan menjadi kotor dan berpenyakit dan timbullah bisul-bisul di badan kita ini sebagaimana bisul-bisul yang timbul di dalam negara kita hari ini yang terpaksa kita mengubatnya dan mengambil masa yang panjang untuk menyelesaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya maksudkan bisul-bisul ini ialah kejadian-kejadian yang berlaku di dalam Perbadanan-perbadanan, di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan dan sebagainya yang mana boleh melemahkan perjalanan Kerajaan kita, yang boleh membawa kepada kepincangan kepada Kerajaan kita. Oleh sebab itu, kita hendaklah bercermat dalam mengubah sesuatu dasar. Pada hari ini pada fahaman saya, satu dasar telah diubah pada Perbadanan-perbadanan.

Hari ini FAMA telah mengambil satu sikap untuk menubuhkan syarikat-syarikat berhad yang bebas yang tidak akan dapat dikawal oleh FAMA itu sendiri kerana syarikat-syarikat berhad ini apabila dia berjalan dia adalah didaftarkan di bawah Akta Syarikat-syarikat yang mempunyai kuasanya sendiri. Juru Odit Negara tidak akan lagi berhak untuk mengoditkan syarikat itu. Kementerian sendiri tidak akan berkuasa menyatakan syarikat itu adalah menyeleweng daripada dasarnya kerana Lembaga Pengarah syarikat itulah yang berkuasa untuk menjalankan syarikat itu. Kalau Lembaga Pengarah berkata kita hendak lantik satu Manager yang diberi gaji \$5,000 maka \$5,000 Manager itu dibayar gaji. Kalau syarikat itu berkata kita mengambil keputusan supaya kita menjalankan suatu dasar usaha-sama dengan syarikat luar negeri yang boleh menguntungkan syarikat luar negeri lebih besar daripada untung yang akan diterima oleh syarikat itu maka perjalanannya akan terus dijalankan oleh syarikat itu dengan tidak dapat ditahan lagi oleh Perbadanan yang telah melepaskan kuasanya itu.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali kita faham melepaskan kuasa adalah perkara besar yang patut diteliti dengan cermat sebab Perbadanan yang ada dalam negara kita ini pun yang dikawal oleh Treasury—Menteri Kewangan kita ada di sini—yang dikawal oleh Kerajaan tetapi kadangkala kita dapat melihat Perbadanan itu tidak dapat melapurkan kepada Senate dan kepada Dewan Rakyat hasil kemajuannya pada tiap-tiap tahun, kadang-kala 3 tahun, 4 tahun baru sampai lapuran kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang mana sudah basi. Kalau badan itu rugi sudah 3 tahun rugi barulah kita dapat tahu dan cukup susah hendak memperbaikinya. Ini adalah Perbadanan yang dikawal di bawah Undang-undang Kerajaan yang dipaksakan di bawah Undang-undang supaya melapurkan kepada Kerajaan. Inikan hendak ditubuhkan sebuah syarikat yang bebas yang di bawah Akta Undang-undang Syarikat yang mempunyai kuasanya sendiri.

Itulah sebabnya maka saya katakan di sini kita kena kaji. Tuan Yang di-Pertua, cuba kita kaji Kementerian itu sendiri, Kementerian Pertanian. Saya masih ingat lagi barangkali saya salah seorang yang tertua di dalam Dewan ini, saya masih ingat lagi pada tahun 1952 atau 1953 iaitu selepas

pilihanraya yang pertama di bawah Menteri Aziz Ishak dibuat satu dasar supaya diberi bantuan kewangan kepada Persekutuan-persekutuan Nelayan, ditubuhnya Persekutuan Nelayan dan diberi bantuan. Pada akhirnya Treasury mengeluarkan wang yang banyak dan Persekutuan itu menghabiskan wang itu sahaja dengan tidak mengembalikannya apa untung pun. Kemudian datang dengan perubahan baru maka digalakkan buat syarikat kerjasama dengan Kementerian Pertanian juga sokong buat syarikat kerjasama. Timbul macam cendawan syarikat kerjasama seluruh tanahair. Kemudian syarikat kerjasama itu di sana mati, di sini mati, di sana tidak bergerak, di sini tidak bergerak. Wang daripada orang kampung berjalan dengan pincang. Jadi dirombakkan dasar itu dan sekarang ini kita buat pula koperasi-koperasi. Syarikat kerjasama sudah tidak ada—koperasi-koperasi. Seluruh negara kita koperasi, koperasi, kempen koperasi, dahulu syarikat kerjasama, sekarang koperasi. Semua orang keluar wang untuk koperasi, \$1.00, \$2.00 untuk koperasi. Bila sudah habis koperasi, saya rasa koperasi pun sekarang ini sudah ada sedikit berombak. Ada kumpulan-kumpulan orang yang mengambil peluang untuk menggunakan koperasi itu bagi faedah kumpulannya, bukan bagi faedah rakyat. Ada, tidak ramai pun, ada kumpulan-kumpulan yang seumpama itu. Dengan nama koperasi maka cara pelaksanaannya menimbulkan perkara-perkara yang menyentuh orang ramai. Barangkali Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, Puan Rafidah yang ada di sini pun tahu gelombang koperasi itu kerana beliau berkecimpung dalam koperasi. Gelombang itu ada dan barangkali kalau kita lambat jaga koperasi ini akan menjadi bukan gelombang lagi, menjadi ombak yang besar, yang akan membalikkan perahu-perahu kita. Jadi ini perkara koperasi.

Sekarang ini kita buat Perbadanan MAJU-IKAN, MAJUTERNAK, itu dan ini, semua Perbadanan, perbadanan, perbadanan. Ini daripada saya mengikuti perkembangan yang berlaku di Kementerian Pertanian. Perbadanan, perbadanan, perbadanan, MAJU-IKAN, MAJUTERNAK, maju itu, maju ini—semua maju, tidak ada yang tidak maju, maju, maju, maju. Perbadanan ini menjalankan perniagaannya. Hari ini sampai satu masa

kita diminta supaya dibuat satu perubahan, MAJUIKAN boleh menubuhkan syarikat, ini syarikat pula; syarikat pula; syarikat, syarikat, syarikat. Kita akan tengok beratus syarikat akan keluar, syarikat yang ditubuhkan oleh MAJUIKAN, syarikat yang ditubuhkan oleh MAJUTERNAK, syarikat yang akan ditubuhkan oleh Perbadanan itu dan Perbadanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak saya soalkan sekarang, siapa yang memikirkan perubahan-perubahan ini. Siapa yang di belakangnya merancang, mengubah perkara ini dan apa faktor-faktor yang sebenarnya perubahan ini dibuat. Adakah kerana hendak menyenangkan supaya ditubuhkan syarikat, berjalanlah awak, kalau syarikat itu mati, awak yang mati, bukan MAJUIKAN mati, bukan MAJUTERNAK mati, bukan FAMA mati. Kerana syarikat itu didaftar di bawah Akta Syarikat. Bukan Kerajaan mati, bukan Perbadanan mati. Adakah ini matlamat, adakah ini maksudnya, adakah ini motifnya. Ini saya rasa perlu kita mendapat penjelasan yang teliti atau pun adakah motifnya, bahawa ia bertugas dalam Perbadanan, membuat kemajuan menjalankan segala usaha, tetapi ia menerima gaji sebagai pegawai Kerajaan, tidak lebih daripada itu. Kalau ia pergi ke Syarikat, beliau boleh bergaji besar. Adakah itu motifnya?. Daripada gaji syarikat, barangkali naik \$5,000, \$6,000, \$7,000 tetapi kalau duduk di bawah Perbadanan, barangkali di bawah skim Kerajaan, skim Ibrahim Ali, skim Suffian atau skim Harun. Adakah ini motifnya atau pun kerana tidak dapat menjalankan rancangannya, tidak dapat menyempurnakan maksudnya yang dikehendaki oleh Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Kalau dengan kerana itu, apakah sebabnya tidak boleh dijalankan. Apakah sebabnya MAJUTERNAK tidak boleh menjalankan perniagaannya di bawah Akta MAJUTERNAK, dibawa masuk orang yang bijak pandai dengan diberi elaun yang cukup supaya ia dapat memberi latihan kepada anak negeri untuk menjalankan syarikat ataupun Perbadanan itu. Adakah mesti kita tubuhkan syarikat, baru boleh buat dan kalau tidak tubuh syarikat maka tidak boleh dibuat.

Adakah kita fikir dengan Perbadanan itu berjalan lebih baik, kerana ada perlindungannya, Kerajaan dapat memberi perlindungan, kerana ini adalah Perbadanan Kerajaan, tidakkah kita fikirkan perkara-perkara ini.

Adakah ini menjadi bahan perbincangan, bahan pemikiran Kementerian Pertanian dalam mengubah corak dan dasar pelaksanaan tugas-tugasnya. Ini yang menjadi persoalan yang patut kita kaji. Sebab, kalau sekiranya kita hendak tubuhkan syarikat oleh Perbadanan ini dengan banyak, saya rasa kita mesti kawal, sekurang-kurangnya syarikat yang hendak ditubuhkan oleh Perbadanan itu tertakluk di bawah satu Articles of Association yang berlainan, tidak sama standard—atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta itu, hendaklah Kementerian ini berunding dengan Pendaftar Syarikat supaya Undang-undang Tubuh Syarikat itu tidak menjadi sebuah Undang-undang yang standard, mesti ada clauses yang memberi kuasa kepada Kerajaan umpamanya, campur tangan dalam syarikat-syarikat yang hendak ditubuhkan itu. Kita tidak boleh biarkan terus begitu sahaja dengan tidak ada checking. Dan kalau sekiranya kita hendak biarkan, kita hendak beri kuasa kepada Perbadanan-perbadanan ini, bebas menubuhkan syarikat dengan banyak, maka kita terpaksa kena pinda Perlembagaan kita untuk memberi kuasa yang lebih kepada Parlimen, kuasa yang diberi kepada Senate di Amerika boleh dibuat investigation, bagaimana berlakunya perkara Lockheed, Senate boleh investigate; barangkali kita perlu kepada satu pindaan undang-undang ataupun Perlembagaan supaya diadakan joint-panel antara Dewan Rakyat dan Dewan Negara dalam membuat satu-satu penyasatan yang perlu, sebab sekarang kita menghadapi zaman yang lebih kompleks. Zaman yang kita hendak beri kuasa kepada pegawai untuk menjalankan perniagaan yang lebih besar, tetapi kalau tidak ada Parlimen, kuasa untuk menyiasat, kuasa mengambil tahu, maka saya rasa kita tidak perlu memberi kuasa itu lebih kepada mereka itu.

Di Amerika kalau ada satu perkara yang berlaku, maka Senate mempunyai kuasa mengadakan panel of investigation, dikorek dan disiasat sehingga C.I.A. (Central Intelligence Agency) sendiri itu disiasat, apa yang dibuat, apa buruknya, di mana tidak baiknya dan disiasat dan sekiranya perlu daripada penyasatan itu maka dibawa ke Mahkamah, Mahkamah mengambil satu-satu keputusan yang difikirkan mustahak. Tetapi kalau kita hendak menghadapi satu zaman baharu, zaman yang lebih maju dan zaman yang lebih bebas bagi mereka ini menjalankan

urusannya maka Parlimen kita perlu diberi kuasa untuk mengadakan joint-panel di antara Ahli Senate dengan Ahli Dewan Rakyat supaya menjalankan investigations dalam masalah-masalah yang besar, masalah yang boleh meruntuhkan ekonomi negara, masalah yang boleh menimbulkan penyakit-penyakit negara.

Ini saya rasa perlu dipertimbangkan supaya mereka yang menjalankan tugas itu tidaklah menjalankan dengan sewenang-wenangnya. Ini pada fikiran saya patut menjadi bahan perbincangan, bahan pemikiran dari pihak Kerajaan dan pihak Kementerian yang berkenaan. Sebab, kita tidak mengetahui cara mana perubahan ini dibuat di dalam satu-satu Kementerian ini. Barangkali cuma dibuat satu Cabinet paper oleh pegawai-pegawai dan diberitahu kepada Menteri dan diberi satu penerangan yang boleh menarik Menteri itu dan Menteri itu berasa yakin maka dibawah Cabinet paper itu kepada Cabinet, dan Cabinet itu pun tengok, ini elok dan Menteri memberi jaminan hendak menjalankannya. Cabinet kata O.K. jalan tetapi yang sebenarnya brain behind ini, kita tidak tahu. Siapakah brain behind satu-satu perubahan yang besar seumpama ini? Ini saya rasa barangkali Ahli-ahli Senate dan Ahli-ahli Dewan Rakyat barangkali bersetuju dengan saya untuk memberi sokongan supaya pindaan Perlembagaan dibuat dari segi kuasa Senate dan kuasa Dewan Rakyat, kuasa Parlimen, dipinda memandangkan kepada perkembangan negara kita di masa hadapan.

Kita akan menghadapi lima tahun ke hadapan. Banyak perkara yang hendak kita buat. Banyak perkara yang kita fikirkan perlu dibuat. Jadi di sini patut kita kaji dengan cermat dan sekiranya kita tidak dapat meletakkan tapak yang baik, kita tidak boleh kata hendak buat satu-satu benda itu dengan sekejap masa. Kita mestilah aturkan tapak kemajuan, tapak pergerakan kita, perlaksanaannya dengan cermat dan ada cross checking supaya dapat kita menghadapi masa kita dengan lebih baik.

Saya rasa tidak perlu saya panjangkan ucapan saya, dan setakat itulah sahaja, saya ucapkan terima kasih.

3.30 ptg.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan atas Rang Undang-undang yang bernama satu Akta Lembaga Pemasaran Pertanian

Persekutuan (Pindaan) 1976. Di samping itu saya ingin memberi pandangan berkenaan dengan satu cara keluaran pertanian yang saya anggap patutlah diberi perhatian berat dan dikaji dengan mendalam oleh pihak Kementerian akan cara hasil ladang ini. Cara yang saya hendak sentuh ialah perindustrian biji kopi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana rakan-rakan saya di Dewan yang mulia ini telah maklum mulai hari Jumaat harga kopi telah meningkat 5 sen, menjadi 25 sen secawan di seluruh Semenanjung Malaysia, sedangkan harga secawan kopi susu, teh susu dan Teh-O serta lain-lain minuman panas tetap seperti biasa. Walau bagaimanapun, kelulusan kenaikan harga 5 sen bagi Kopi-O itu oleh Jawatankuasa Kabinet adalah diberikan dengan tiga syarat yang telah diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua, kebenaran kenaikan harga Kopi-O dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan menunjukkan Kerajaan telah memberi perhatian berat terhadap masalah ini. Kenaikan harga Kopi-O ini akibat dari kenaikan harga serbuk kopi dan kekurangan bekalan biji Kopi di pasaran dunia. Harga biji kopi telah terus meningkat hingga antara \$615 sipikul (Indonesian) dan \$665 sepikul (A.P.I.) sementara enam bulan dahulu harga biji kopi hanya lebih kurang \$200 sepikul sahaja. Harga serbuk kopi pula melambung daripada \$1.80 sekati pada masa dua tahun lebih yang lalu hingga \$3.20 sekati dalam bulan April tahun 1976 kepada hampir \$7.00 sekati pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak ada kaitan dengan tujuan Rang Undang-undang ini. Sila bangkitkan perkara yang ada berkaitan.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu contoh yang saya beri untuk kesimpulan yang saya akan menyampaikan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua: Kopi-O jangan dibangkitkan lagi. Sila teruskan (*Ketawa*).

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Adalah dipercayai akan melambung ke \$10.00 sekati pada masa akan datang walaupun memulaukan minuman kopi sedang dijalankan oleh peminum-peminum kopi di Eropah dan Amerika, terutama di New York.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia kenaikan harga kopi susu adalah mulai pada bulan Ogos, 1976, apabila harga kopi susu meningkat 5 sen ke 30 sen secawan. Tidak dapat dinafikan kedai-kedai kopi atau gerai-gerai kopi dengan makanan di seluruh negara ini adalah memainkan peranan yang amat penting bukan sahaja di kalangan menyediakan tempat pertemuan antara peniaga-peniaga untuk menyelesaikan segala masalah berkaitan dengan perniagaannya, untuk kawan karib dan khasnya kaum buruh untuk minum dan makanan seharian, dan relaxation after a hard day's work with a cup of steaming thick black coffee. Kepada orang yang berpendapatan rendah di mana-mana sekalipun minuman kopi adalah merupakan satu keenakan seharian yang mesti diperolehi. Kenaikan harga 5 sen akan menambahkan lagi beban hidup mereka, apa salahnya pihak Kementerian Pertanian membuat kajian yang mendalam dan selepas itu melaksanakan projek-projek menanam biji kopi dan menggalakkan pihak swasta mengambil bahagian dengan menguntukkan segala kemudahan-kemudahan sesuai dengan perusahaan menanam biji kopi ini. Buat permulaannya apa yang sedang ditanam sekarang oleh pekebun swasta patutlah digalakkan dan diberi bantuan bagi membaiki lagi qualitynya. Bagi tujuan tanaman jangka pendek sekurang-kurangnya mencukupi untuk penggunaan sendiri dalam negeri dan tidak memerlukan impot lagi, bagi tujuan jangka panjang pula ialah supaya perusahaan penanaman kopi dapat dijadikan salah satu perusahaan yang utama seperti getah dan kelapa sawit untuk diekspot.

3.36 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965 ini dengan memberi beberapa teguran, tetapi diharap janganlah dianggap oleh Timbalan Menteri bahawa saya hanya pandai menuduh sahaja dalam perkara memberi teguran ini.

Sebenarnya, perkara yang hendak saya katakan ialah sesudah saya dengar keluhan-keluh dan resah-gelisah daripada pak-pak tani kita iaitu apakah dasar FAMA terhadap pemasaran tanaman kontan penduduk luar bandar yang tidak ada jaminan langsung kerana kita tahu Kerajaan menggalakkan rakyat petani bercucuk tanam dan membuat tanaman kontan seperti jagung, kacang

tanah, kacang soya, keledek, labu dan lain-lain. Tetapi tahukah Kerajaan akan penderitaan rakyat apabila mereka menanamnya harga pasarannya begitu menggalakkan, tetapi bila sudah mengeluarkan hasil untuk dijual harga pasarannya sudah begitu teruk, sehingga hendak dapat balik belanja pokok pun tidak dapat, akibatnya tanaman itu membazir, tenaga dan wang terbuang dan petani-petani tidak akan membuat tanaman itu lagi. Inikah yang dikatakan Kerajaan menggalakkan rakyat bercucuk tanam?. Pihak FAMA pula sentiasa menyatakan ia tidak mampu membeli pengeluaran petani yang berselerak di serata kampung seluruh tanahair yang keluarannya sedikit-sedikit sahaja. Tetapi itulah dia cara orang kampung bertani, hasil pertanian mereka berselerak di seluruh kampung bukannya pada satu ladang yang terbentang luas dan tanaman mereka pula berjenis-jenis dan tidaklah sampai beratus-ratus pikul. Kalaulah hendak ditolong dalam hal pemasaran maka itulah orangnya yang hendak ditolong. Kalau orang yang hendak ditolong mereka mestilah mengeluarkan hasil tanaman beratus-ratus pikul sehari dan di ladang yang besar sahaja ini tidak payah FAMA menolong kerana mereka tidak ada masalah pemasaran. Mereka tidak menanam secara besar-besaran dan FAMA tidaklah payah menyatakan untuk menolong tetapi yang hendak ditolong ialah dalam soal pemasaran pertaniannya yang mana kebanyakan petani-petani kita menanam berselerak di hujung, tengah dan di pangkal kampung atau di tepi-tepi bukit yang menjalankan tanaman satu atau setengah ekar dan ini memerlukan jaminan bila hasilnya dapat dipasarkan dengan baik iaitu kalau ada 40 orang petani di kampung itu menjalankan pertanian cara itu, maka itulah masalah yang harus diselesaikan oleh pihak FAMA. Kalau suruh petani membuat tanaman tanpa bantuan FAMA dengan berusaha bagi mendapatkan pengeluaran kecil-kecilan maka tidaklah akan dapat ditolong petani dalam hal tanaman mereka.

Dengan ringkasnya saya katakan, apa yang diharapkan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri atau pihak Kerajaan ialah supaya dapat memberi pertimbangan yang betul-betul wajar, janganlah didapati perkara ini tidak seimbang lagi.

3.40 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang

Undang-undang ini. Sudah tiga kali daripada Kementerian yang sama saya menimbulkan perkara ini juga iaitu hari kelmarin berkenaan dengan ternakan dan hari ini pula pertanian. Tujuannya adalah sama. Saya yakin dan percaya, Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri akan menerangkan sebab-sebabnya maka syarikat ini hendak ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Nik Hassan itu iaitu banyak sangat badan-badan. Dan oleh kerana banyak sangat badan-badan ini tentulah kita bertanya jikalau hendak maju atau badan ini jikalau hendak betul berjalan dengan baik tentulah yang penting sekali ialah di depan saya ada Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh—kewangan. Itu yang penting sekali, kerana kalau ada badan tentulah ada darah. Darah inilah yang penting sekali dan darah ini datangnya dari mana? Tentulah datangnya daripada bahan-bahan makanan. Jadi kalau hendak dibuat sahaja syarikat itu sana-sini oleh kerana desakan-desakan rakyat ataupun ada pegawai-pegawai yang bijak pandai menyatakan jikalau kita tubuhkan syarikat, petani-petani kita akan maju. Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, terpaksalah kita fikirkan balik semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong oleh kerana saya fikirkan iaitu syarikat-syarikat ini telah difikirkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan baik sekali. Apabila ditubuhkan syarikat itu sudah ada senjatanya. Kalau orang hendak pergi perang mesti ada senjatanya. Apakah senjata yang akan dipakai nanti. Adakah senjatanya panah lagi yang akan dipakai. Atau pun macam dulu iaitu di zaman dulu dipakai senjata batu, ataupun hendak dipakai rocket supaya boleh pergi ke bulan dan sebagainya. Ini mestilah kita kaji bersama. Jadi keritik-keritik yang dibuat di sini iaitu di dalam Dewan ini adalah membina.

Jadi saya bukanlah hendak menyokong sahaja tetapi hendak mengkritik sedikit, sesudah itu saya sokonglah. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, saya ada mendengar juga berkenaan dengan MAJUTERNAK, MAJUIKAN dan lain-lain dan saya lihat di TV memang betul ada ditunjukkan beberapa ekor lembu dibawa dari Australia, saya nampak lembu itu berbelang-belang dan lembu itu dibawa ke mana, saya tidak tahu. Itu sudah satu dua tahun dibuat begitu.

Tetapi, apa yang dikehendaki oleh rakyat pada hari ini ialah betul-betul supaya rakyat dapat menikmati daripada apa sahaja yang dibawa oleh Kerajaan. Kita sudah 20 tahun merdeka, asyik buat syarikat, perbadanan-perbadanan dan sebagainya itu sahaja yang dapat oleh rakyat. Boleh jadi syarikat yang ditubuhkan oleh Menteri ini memberi menafaat kepada rakyat. Ini saya tidak berani hendak caci sekarang ini sebab apa boleh jadi ini adalah brain yang betul-betul bergeliga daripada Timbalan Menteri ini tadi. Boleh jadi difikirkan oleh kerana kita hari ini telah dikongkong oleh perbadanan-perbadanan. Dengan sebab itu dengan adanya perbadanan ini walaupun sudah 20 tahun kita merdeka, orang Melayu ataupun bumiputra begini juga hidupnya. Manakala orang yang bebas dia boleh terbang ke pokok-pokok kayu macam burung. Dia makan benda-benda yang sedap-sedap, yang burung di dalam sangkar itu tidak dapat makan. Jadi, begitulah yang difikirkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu saya tidak tahu. Inilah yang kita hendak tahu. Apakah sebabnya kemiskinan dan kemelaratan bangsa Melayu ini? Oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan petani-petani yang tinggal di hujung-hujung kampung adalah terdiri dari orang-orang Melayu. Jadi apa ubatnya. Adakah ini sejenis pil yang pahit sekali? Jadi sebelum diberi ubat pahit, biarlah saya bercakap berkenaan dengan syarikat ini.

Menubuhkan sebuah syarikat bukannya senang. Kita mesti kaji baik-baik oleh kerana syarikat yang hendak ditubuhkan itu berkenaan dengan pertanian, terutama sekali misalnya koko. Saya percaya koko banyak di tanam di Sabak Bernam dan banyak juga di Jeram. Boleh jadi hendak dibuat syarikat koko dan entah apa yang hendak dipanggil pada hari yang akan datang, tidaklah saya tahu. Tetapi syarikat koko yang hendak ditubuhkan ini tentulah sudah difikirkan oleh Menteri iaitu hendak buat kilang koko iaitu bukan sahaja kita menghantar biji-biji koko keluar negeri tetapi kita akan buat kilang memproses koko. Selepas itu boleh jadi kita buat chocolate. Ini tentulah sudah difikirkan barangkali oleh Menteri berkenaan.

Saya juga hendak tahu daripada Timbalan Menteri oleh kerana dalam syarikat-syarikat Kerajaan khususnya syarikat-syarikat perbadanan Kerajaan ini, balik-balik orang

Kerajaan juga ataupun orang-orang kenamaan juga yang berpangkat tinggi jadi ketua perbadanan itu, ketua perbadanan ini. Bukanlah saya mencaci mereka, sebab mereka bijak pandai, itu betul, tetapi keadaan tempat untuk orang-orang bijak pandai ini bukan di tempat itu, Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan mencaci, ini untuk kebaikan. Asalkan mereka hendak pencen, diletakkan saja situ. Syarikat ini hendak untung, sebab bumiputra pada hari yang akan datang akan membeli syarikat-syarikat ini. Boleh jadi itu tujuannya sebab kebanyakan orang-orang petani ini adalah orang-orang bumiputra. Jadi apabila saya berkata begini, terkenanglah saya kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dr Goh Cheng Teik pada hari itu—saya bacakan:

“Di sini saya pun hendak mengambil peluang menarik perhatian Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bahawa LLN pun sebuah badan Bumiputra sebab LLN adalah sebuah badan yang dimiliki oleh Kerajaan. Kerajaan barangkali pada suatu hari yang akan datang akan issue walaupun Kerajaan tidak ada share, kita tahu kebanyakan harta dalam Kerajaan Pusat adalah di dalam tangan bumiputra. Jadi Kerajaan pun Bumiputra—LLN pun jadi badan bumiputra dan saya rasa gembira mendengar Senator Raja Datuk Nong Chik berkata bahawa beliau sayang kepada LLN”.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai bumiputra. Saya tahu saya gelojoh macam hendak makan. Masa saya kecil-kecil dulu, saya ini “buruk makan”. emak saya marah, Tuan Yang di-Pertua, sebab gelojoh atau “buruk makan” tadi jadi diberi makan, di sumbat-sumbat dalam mulut saya, bukan diberi betul-betul. Saya berbanyak terima kasih sebab dia beri saya makan. Tetapi cara makan yang macam gergasi (*Ketawa*). Dulu, Tuan Yang di-Pertua, saya ada baca buku cerita “Si Luncai berjumpa anak Gergasi”, dihentam dan dimasukkan panggang paha lembu ke dalam mulutnya sampai mati anak gergasi itu. Bukan cara begitu yang dikehendakki kepada syarikat ini. Janganlah pula dibuat begitu sebab gelojohnya bumiputra—gasa makan! bukan begitu. Ini bukannya hendak menolong bumiputra.

Jadi, saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, kalau ditubuhkan syarikat ini mestilah ditengok betul-betul dan tahu betul-betul undang-undang syarikat. Kalau tidak tahu undang-undang syarikat, bukanlah saya kata-

kan tidak tahu, tetapi kadang-kadang yang tahu pun kadang-kadang banyak juga gagal. Tuan Yang di-Pertua, barangkali Yang Berhormat Menteri memikirkan iaitu pada masa yang akan datang oleh kerana kita hendak joint-venture dengan orang asing, sebab mereka ada pengalaman, ada technical know-how. Jadi syarikat ini berjoint venture dengan orang asing.

Begitulah pemikirannya oleh kerana kita ada banyak koko dan koko ini tentulah kita tidak tahu memprosesnya, kita panggil orang lain untuk memprosesnya. Seperti kata saudara saya Yang Berhormat Datuk Nik Hassan tadi, mestilah tiap-tiap satu syarikat itu diawasi betul-betul bagaimana kita hendak membuat agreement dengan syarikat lain. Itu mesti dikaji betul-betul. Jangan pihak sana control kita ataupun kerana kita tidak tahu management, kita hendak control akhirnya jahanam syarikat kita. Kalau kita belum tahu lagi kita belajar dengan dia tetapi dengan adanya Kerajaan mengawal perjalanan, kita janganlah pula hendak diikat oleh Kerajaan. Kalau syarikat Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, susah hendak naik sebab hendak dikontrol langsung bagaimana hendak naik, memang tidak boleh berjalan langsung. Kalau Yang Berhormat Datuk Nik Hassan mengatakan kalau hendak dikontrol tidak boleh naik sebab sudah terjadi. Kita sesama tahu di dalam dunia perniagaan itu susah dan memang tidak boleh naik. Jadi, kongkongan juga mesti ditengok tetapi kebebasan itu mesti diberi kepada syarikat-syarikat ini.

Saya harap pengarah-pengarahnya (directors) janganlah directors itu sahaja kalau hendak berjalan secara baik, tak usahlah directors itu dipilih balik-balik orang itu juga. Balik-balik pegawai Kerajaan yang pandai agriculture, pegawai Kerajaan yang pandai menternak lembu, pegawai Kerajaan yang pandai ternak ikan, pegawai Kerajaan yang pandai bertanam kangkang sahaja, ini tidak boleh jadi. Carilah orang yang benar-benar tahu di dalam dunia perdagangan dan perusahan untuk mengambil bahagian ini, tak usah bayar pun tak apa. Dia itu orang biasa sahaja untuk mengawal syarikat itu supaya boleh berjalan dengan betul. Tuan Yang di-Pertua, ini bukan hendak mengatakan pegawai Kerajaan sahaja, tidak, sebab pegawai Kerajaan ada dengan peraturannya. Dia datang ke pejabat pada pukul 8.00 pagi, balik pukul 4.00 petang, tetapi di dalam

dunia perdagangan dan perusahaan bukan begitu. Dalam dunia perusahaan dan perniagaan barangkali saudara-saudara saya orang China tahu sebab saudara-saudara kita orang China yang datang dari negeri China, Tuan Yang di-Pertua, ini bukan hendak mengata, tidak. Dia bekerja cukup kuat dalam dunia perdagangan dan perusahaan, daripada dia tidak ada sampai pada hari ini bermelion hartanya di sini. Jadi, di dalam perkara syarikat ini juga terpaksa bekerja betul-betul kuat supaya syarikat ini betul-betul maju. Inilah nasihat saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dari dahulu saya sudah katakan kepada Kementerian ini, baik dalam Dewan Rakyat mahu pun Dewan Negara iaitu yang penting sekali ialah pasaran. Pasaran bukannya senang. Dalam Buku Hijau memang bagus. Masa recession dahulu memang bagus, tiap-tiap orang menanam sayur dan tidak payah beli sayur lagi di pasar, itu memang bagus, tetapi maka Buku Hijau itu untuk membuat cara besar-besaran, bukan untuk habiskan recession sahaja dan kalau sudah habis recession buat apa hendak tanam lagi. Seperti tanam kangkong buang masa sahaja, seperti Kerajaan kerah orang Melayu bergotong-royong buat jalan. Orang Melayu ini, Tuan Yang di-Pertua, pergilah bergotong-royong buat jalan, orang lain tak buat gotong-royong. Jadi, siapa yang rugi, orang yang gotong-royong juga yang rugi. Begitu juga suruh tanam kangkong, bayam dan sebagainya, Tuan Yang di-Pertua, dibelakang rumah, itu bagus di masa recession, tetapi di masa tidak recession saya ingat Buku Hijau itu untuk menanam cara besar-besaran. Cara besar-besaran betul bukan tanam cili dan petek cili bawa ke rumah, ambil belacan dan garam buat sambal dengan makan nasi bukan itu, Tuan Yang di-Pertua, tetapi hendaklah ditanam secara besar-besaran seperti kita tenguk di negeri-negeri Eropah, di Amerika, di Jepun dan di Taiwan, begitu caranya Buku Hijau itu dijalankan. Jadi, baharulah ada syarikat begini yang kita hendak tubuhkan. Kalau ada banyak bawang barangkali hendak diproses, banyak kentang hendak diproses, banyak kopi hendak diproses, banyak koko hendak diproses, banyak hendak diproses kelapa itu dan dapat minyaknya dan sebagainya. Ini cara yang dikehendaki oleh Buku Hijau itu bukan untuk sementara sesudah sahaja habis recession.

Sekarang saya hendak bertanya hari ini berlambak-lambak buah temikai di tepi jalan. Berapa hendak diproses mengambil airnya, tak terminum-minum sampai sakit perut. Begitu juga, berlambak-lambak buah nenas, tidak ada pasaran, bagaimana? Suruh tanam tomato, berlambak-lambak tomato, buat apa? Betul juga, bagaimana yang pegawai pertanian hendak mengambilnya sebab berkelompok-kelompok sedikit sana, berkelompok sedikit sini, saya tidak salahkan pegawai pertanian sebab transport susah sangat hendak membawanya ke satu-satu tempat. Saya harap kepada Kementerian Pertanian menengukkan hal ini supaya pada hari yang akan datang kalau hendak menanam cara begini untuk mengadakan syarikat mestilah ada bahannya dan bahannya mestilah ditanam di satu tempat, dipilih tempat macam di Tanjung Karang itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah lihat juga satu syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri iaitu Kilang Markisah untuk mengambil airnya di Kuala Pilah. Apa jadi kepada kilang Markisah, tiga bulan berjalan sudah ditutup. Apa sebab ditutup? Yang Berhormat Datuk Chong Foo Khin tahu. Apa sebabnya ditutup, Tuan Yang di-Pertua, ladang Markisah ada 4 ekar, kilangnya dibuat sebesar-besarnya, kerana tidak dibuat berkenaan dengan marketingnya, daripada mana bahannya datang, tiba-tiba buat sahaja. Tentulah tak ada siapa yang salah, kita sama kita yang salah oleh kerana pengalaman kita sangat kurang. Dengan sebab itu pengalaman ini mestilah diambil daripada orang-orang yang sudah menjalankan dalam perniagaan dan perusahaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita hendak buat itu dan ini, research juga mesti dijalankan, sebab research ini berikut juga dengan syarikat yang kita hendak buat itu. Apa yang saya hendak katakan, iaitu sungguhpun koko mahal harganya tetapi acidity content koko Malaysia ini tinggi. Jadi ini terpaksa kita berunding dengan pakar-pakar di luar negeri, macam meji biskut di Jepun. Mereka itu menghantar orang-orangnya ke Sabah untuk membuat research. Koko Malaysia ini tinggi aciditynya tetapi Kerajaan Malaysia tidak membuat research semacam itu. Begitu juga menanam kopi. Baharu-baharu ini saya telah pergi ke Eropah buat Trade Mission ke Eropah. Kopi kita orang tidak hendak, tanyalah Yang Berhormat Datuk Mansor. Orang tidak hendak kopi kita apa sebabnya

kopi kita entah apa grednya. Bukan Arabian coffee, bukan Brazilian coffee, low grade coffee atau Malaysian coffee. Orang hendak membelinya tetapi murah harganya. Kita berharap kalau hendak proses kopi ini pada hari akan datang ambillah benih yang cukup baik betul-betul bukan baka yang ada di Banting itu. Itu tidak boleh jadi lagi, Tuan Yang di-Pertua. Ini macam mengajar itik berenang, kalau salah, saya minta maaf, tetapi ini hendaklah diubah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kilang kelapa. Di Sabak Bernam ada satu kilang kelapa tetapi takkan cukup satu kilang kelapa dipunyai oleh bumiputra, takkan seluruh Malaysia ini hanya ada satu kilang kelapa kepunyaan bumiputra. Maka berjogetlah kita ada kilang kelapa, sudah maju. Saya hendak tengok di dalam Rancangan Malaysia Ketiga daripada Kementerian Pertanian ini bukan satu kilang tetapi 100 kilang mesti ada, barulah dikatakan bumiputra maju. Jadi tidak dapat kita membanggakan iaitu syarikat bumiputra ada mempunyai kilang-kilang dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang daripada dahulu menyokong Bill ini. Barangkali Yang Berhormat Datuk Chong masih ingat iaitu di waktu saya menjadi President, Town Council di Kuala Pilah dahulu, mula-mula sekali yang ditubuhkan ialah badan pertanian untuk memberi bahan-bahan dan sebagainya. Memang kita fikirkan iaitu jikalau kita bela orang tani ini, seperti mana saya tengok di Taiwan, mereka memang menyebelahi kepada Kerajaan, tetapi jikalau tidak dibela orang tani ini oleh kerana front line dari hutan ke kampung, dari kampung ke pekan, jikalau tidak dibela betul-betul, kalau tidak kerana orang Melayu itu orang Islam, sudah lama orang-orang ini menjadi kominis oleh kerana kemelesetan kehidupan mereka.

Dengan sebab itu saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya di atas penubuhan syarikat-syarikat ini tetapi dengan syarat difikirkan supaya syarikat-syarikat ini menguntungkan, terutama sekali bumiputra.

4.03 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan yang penuh kepada Rang Undang-undang (Pindaan) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian. Mungkin saya bercakap mengemukakan

hujjah-hujjah yang berlainan daripada kawan-kawan saya yang lain. Kalau mereka kata saya hendak mengampu Kementerian ini, saya terimalah dengan segala hormatnya, sebab apa yang saya cakapkan ini perkara yang hak.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini sangat baik, sebab selama ini FAMA berjalan ada mempunyai kelemahan, dan tidak berkuat-kuasa. Dengan adanya kelemahan-kelemahan masa dahulu dan adanya perkara-perkara yang tidak menguntungkan peladang dan petani kita, maka dengan sebab itulah Rang Undang-undang yang bercorak boleh membawa petani-petani kita kepada bidang syarikat perniagaan ini dikemukakan dan dengan ini benar-benarlah akan memberi manfaat kepada peladang-peladang kita.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan asalnya FAMA ditubuhkan oleh Kerajaan walaupun sebuah agensi yang baru dan tujuannya supaya dapat mengurangkan orang tengah mengambil, memakan hasil-mahsyul daripada peladang dan petani-petani kita. Sekiranya tidak ada FAMA ini, kita percaya dengan pesatnya pembangunan pertanian maka petani-petani kita akan menjadi mangsa orang tengah yang ada mempunyai pengalaman yang berjalan begitu lama dalam negeri kita. Saya tidak maksudkan orang tengah ini pada satu kaum sahaja, sebab orang Melayu pun ada yang menjadi orang tengah, siapa juga yang hendak mengambil keuntungan besar, mereka mengambil kesempatan daripada orang-orang bawahan.

Usaha yang dibuat oleh FAMA, menurut hemah saya, Tuan Yang di-Pertua, supaya FAMA ini boleh memasarkan buah-buahan yang diusahakan oleh peladang kita, biji-bijian termasuk sayur-sayuran. Ketiga-tiga bentuk inilah yang diusahakan oleh peladang dan petani kita dan ini juga tradisi kehidupan orang-orang luar bandar. Selain daripada mata pencarian hidup yang tetap, bahan-bahan ini juga akan menjadi tambahan. Kementerian ini juga memberikan bahan-bahan yang baik, menuju mutu tanaman yang baik, buah-buahan yang baik, tetapi kalau tidak ada pengawalan dari Lembaga Pemasaran yang seumpama ini, saya khuatir apa yang telah saya cakapkan tadi akan berterusan.

Baru-baru ini Kerajaan telah mengadakan rancangan Buku Hijau. Pada hakikatnya

Buku Hijau itu tidak ada faedah sebagaimana kata saudara saya tadi, tetapi yang sebenarnya ada mempunyai kesan yang sangat baik kepada negara ini bahawa dengan adanya Buku Hijau ini dengan cara tidak langsung walau tidak ramai petani kita menyahut seruan Kerajaan bahawa bahan-bahan daripada luar negeri itu dapat kita kurangkan. Kita tidak ada mustahak hendak beri kacang begitu banyak, kita tidak ada mustahak hendak beri jagung yang begitu banyak, sebab sayur-sayuran yang begitu banyak, ternakan yang begitu banyak, sebab petani-petani kita telah digalakkan oleh Kerajaan dengan diberi subsidi mengikut rancangan Buku Hijau. Dengan keadaan adanya Buku Hijau ini boleh menurunkan inflasi yang ada dalam negeri kita. Dengan sebab itu, FAMA telah membuat satu usaha yang sangat baik, khidmat yang sangat baik, walaupun ada sungutan-sungutan dan kelemahan, sebab yang menjalankan FAMA ini bukan malaikat, tetapi manusia, jadi ada kalanya dia lemah, ada kalanya dia cuai, itu kesilapan tetapi pihak Kementerian sentiasa memerhatikan, membetulkan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah tanaman-tanaman petani dan peladang yang telah saya sebutkan tadi, oleh sebab Malaysia ini mempunyai dasar berniaga cara bebas, ia tidak sunyi daripada persaingan bahan-bahan yang dikeluarkannya dibeli oleh ahli perniagaan sebagaimana yang saya katakan tadi, iaitu orang tengah, tetapi oleh sebab FAMA ini tidak ada mempunyai satu kuasa yang boleh menyekat, boleh menegah orang-orang tengah ini daripada membeli hasil-mahsyul petani itu, dengan sebab itu segala usaha FAMA pada saat-saat yang akhir mereka usahakan itu dapat dugaan, dapat tentangan, dengan sebab itulah petani kita membuat kecaman kepada FAMA. Tetapi apa yang ada pada FAMA, sebab FAMA tidak ada mempunyai satu kuasa yang boleh menampung harta-harta tanaman petani-petani itu untuk diproses dan dikilangkan. Itulah satu perkara yang ada dalam dunia perniagaan yang persaingan macam ini, Kerajaan kena bercermat, sebab dalam dunia perniagaan ini, memang orang suka melawan terutama agensi-agensi Kerajaan. Kalau ada orang-orang anti-nasional, mereka memang suka bahawa agensi Kerajaan yang macam ini biar ia bengkrap, biar ia rugi dari semasa ke semasa. Ini kena kita bercermat dalam masaalah hendak melaksanakan agensi yang

macam ini, kita beri kuasa kepada agensi-agensi itu untuk mengatasi dengan meliputi atas usaha yang dibuat oleh petani, jangan cara sambilan.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa FAMA pada satu masa yang akan datang akan mengadakan kilang memproses bahan-bahan tanaman daripada petani seperti kata Ahli Yang Berhormat tadi, koko, kelapa, lada hitam, minyak kelapa. Saya hendak bertanya, kenapa tidak dibuat kilang memproses tomato, pada hal tomato itu satu tanaman yang subur, yang sesuai dalam tanahair kita terutama di negeri Johor. Tomato itu boleh ditanam dengan sabar dengan baik tetapi bila kita tidak ada memproses bahan-bahan ini ia akan mengeciwakan usaha-usaha petani kita.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik telah mengatakan mengenai buah tembikai. Tembikai ini sejenis tanaman yang sesuai dalam tanahair kita dan benih-behni tembikai ini kalau diambil daripada Taiwan sangat baik, tidak mempunyai biji. Orang-orang Tionghua sangat suka menanam tembikai ini dan ada dua corak, satu kuning dan satu lagi merah. Tembikai ini kalau diproses diberikan kepada MARDI disiasat, diselidik supaya diadakan air botol daripada tembikai. Dengan keadaan ini tidaklah kita nampak tembikai ini melambak-lambak di tepi-tepi jalanraya.

Di selatan Thailand, Kerajaan Thailand mewajibkan tiap-tiap rumah mesti menanam tembikai, bukan pisang, sebab daripada tembikai ini selepas mereka makan nasi, mereka boleh makan buah-buah daripada tembikai. Orang-orang di Malaysia pula mereka tidak berlauk dengan sayur-sayur lain tetapi sayur tembikai, sebab Kementerian ini tidak mengadakan kilang-kilang memproses tembikai. Jadi, selain daripada dimakan, disayurnya tembikai itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bangga bahawa kilang-kilang memproses lada hitam akan diwujudkan dan lada hitam ini tidak boleh hidup dan tidak boleh subur melainkan dalam negeri Johor. Ini untungnya orang Johor. Tanah di Johor itu bertuah. Nama Johor seperti jauhah manikam, sejenis permata, tidak ada lain lagi nama seperti ini. Dengan sebab itu, Tuhan tumpahkan di negeri Johor lada hitam selain daripada

Sarawak. Dengan adanya FAMA mengadakan kilang lada hitam, saya percaya bahawa kegiatan petani-petani kita menanam lada hitam itu akan bertambah luas. Pada masa sekarang tanaman lada hitam ini banyak diusahakan oleh orang Tionghua. Saya harap kepada Kementerian ini supaya memberi peluang kepada ahli-ahli peladang yang terdiri dari orang-orang Melayu yang tanahnya sesuai ditanam lada hitam supaya dapat mereka menambah hasil-mahsyul pertaniannya selain daripada tanaman-tanaman yang sedia ada faedahnya.

Satu perkara yang saya suka beri pandangan, kalau Kementerian ini telah mengadakan kilang koko, kilang kelapa sawit, kilang minyak kelapa, kilang kopi dan lain-lain, pengawasan mestilah dijaga. Sebab kalau tidak dijaga dan dikawal nescaya hasil-mahsyul ini akan jadi persaingan kepada orang-orang tengah. Kalau FAMA membeli dengan harga, katalah satu kati kopi \$2, tetapi orang tengah ini beli dengan harga \$2.10. Dunia ini bebas, walaupun dia kata sayang Menteri tetapi kalau kena 10 sen dia tidak sayang Menteri, dia jual \$2.10. Dengan keadaan ini kalau kita tidak kawal dan tidak jaga betul-betul kilang-kilang yang kita dirikan berpuluh-puluh ribu ringgit ini harapan hendak membaiki taraf petani ini akan keciwa, sebab bahan-bahan ini mereka akan jual kepada orang tengah, walaupun pada hakikatnya untung tetapi matlamat manusia yang hendak memusnahkan ajensi-ajensi Kerajaan bila mana kilang kelapa sawit, kilang minyak kelapa, kilang koko, kilang kopi ini telah hancur, telah gagal maka ketika itu dia akan mengambil modalnya dengan membeli dengan harga yang murah. Oleh itu, pada pandangan saya yang cetek ini kalau satu-satu kawasan yang dibuat oleh FAMA ini kilang kopi atau kilang kelapa dalam kawasan 40 batu, kelapa atau kopi itu tidak dibenarkan orang lain beli, hendaklah peladang-peladang kita itu menjual bahan-bahannya itu samada orang Tionghua atau siapa pun dari kawasan 40 ekar itu supaya dapat menampung bahan kilang yang kita wujudkan itu. Ini pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya sebutkan FAMA, FAMA ini bekerja dengan ber-sungguh-sungguh, kadang-kadang orang marah kepada FAMA pun ada. Tetapi saya fikir satu perkara yang patut ditimbangkan oleh FAMA samada boleh dibuat atau tidak, jangan berunding dengan pasaran pemborong

dalam negeri ini, hendaklah dibuat rundingan dengan pasaran pemborong luar negeri, di Singapura, di Taiwan, di Hongkong, di Indonesia, di Thailand, sebab dengan adanya pasaran-pasaran dan hubungan seperti ini kita boleh memasarkan bahan-bahan kita ini terus ke Hongkong. Saya misalnya buah mata kucing. Buah mata kucing kita di Malaysia ini yang baik sekali di Segamat. Buahnya besar, manis, istimewa barangkali Jabatan Pertanian boleh mengakui apa yang saya cakap ini. Buah mata kucing yang besar ini boleh dipasarkan ke Hongkong, ke Taiwan dengan harga hingga \$4 satu kati, pada hal dibeli di sini cuma dengan harga 80 sen. Tidak usah di Hongkong, saya pergi ke Brunei, di sini harganya \$5 satu kati. Jadi, kalau kita ada buat kontek dengan pasaran pemborong luar negeri maka dapat lagi taraf hasil-mahsyul pertanian kita ini baik.

Satu perkara lagi durian. Orang-orang yang berniaga durian ini pandai. Dimasukkannya durian dalam plastik dihantar dengan kapal terbang ke Hongkong sehinggakan satu biji durian boleh dijual dengan harga \$40. Pada hal dibeli cuma dengan harga \$3 tetapi boleh dijual dengan harga \$5, tetapi kalau FAMA boleh mengusahakan seperti ini, boleh buat hubungan di luar negeri, insya Allah bahan-bahan hasil buah-buahan kita akan dapat dibaiki dan ketika FAMA telah berkuasa sebab FAMA ini ajensi Kerajaan telah berkuasa, segala orang tengah yang dahulunya menghisap darah petani dan peladang mereka akan bekerja dengan FAMA, akan menyembah FAMA dan pada masa itu usaha kita sangat gagah dan kuat dan kita tidak hendak berlawan dengan orang tengah ini, kalau mereka boleh beli mahal kita beli murah tidak mengapa tetapi mereka tidak lama membeli mahal itu tujuannya supaya kita gagal dan musnah.

Satu perkara lagi mengapa FAMA tidak mengambil pemasaran padi kerana padi ini adalah diusahakan oleh petani-petani kita dan sekarang diberi kepada LPN. Kalau FAMA mengambil pasaran padi apa salahnya dan sekarang beras ini kita kena beli melalui LPN. LPN bukannya ada usaha dalam Kementerian Pertanian, tidak ada cuma duduk di meja sahaja tetapi petani-petani yang kerja bersungguh-sungguh menanam padi. Dengan sebab itu, saya fikir kalau boleh supaya dikaji semula bahawa pembelian beras di luar negeri hendaklah diserahkan kepada FAMA, tidak kepada LPN sepertimana yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa kita akan meminda Rang Undang-undang ini iaitu daripada Timbalan Pengerusi akan menjadi Ketua Pengarah, dan satu ayat yang disebut saya sangat bersetuju bahawa ahli-ahli Lembaga itu jangan ada orang yang ada mempunyai kepentingan sebab manusia ini kalau ada kepentingan kadang-kadang dia tonjol dirinya, dia ada diploma, ada degree, ada kebijaksanaan dalam pentadbiran semua sekali, dia hendak duduk dalam Lembaga Pemasaran, tetapi di dalamnya tidak ada kepentingan, bila ada kepentingan, tujuan, hasrat Kerajaan hendak menggunakan Lembaga ini kerana petani tidak akan berjaya, faedahnya kembali kepada orang yang hendak mencari kepentingan dengan sebab menjadi ahli.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi FAMA janganlah bergaduh dengan Persatuan Peladang di bawah satu Kementerian. Ini yang membingungkan petani-petani kita, bila hendak pasarkan bahan-bahan tanaman, kadang-kadang peladang hendak pasarkan, kadang-kadang FAMA hendak pasarkan. Saya syorkan jangan bimbangkan petani kita, tutup sahaja pemasaran dari peladang itu dan dimasukkan di bawah FAMA, malangnya pula ahli Lembaga FAMA ini salah seorang yang ada ahli Lembaga Pertubuhan Peladang. Ini merusungkan petani. Kadang-kadang manusia yang menjalankan antara FAMA dengan Lembaga Persatuan Peladang itu masing-masing hendak menunjukkan kebolehannya, kadang-kadang hendak menunjukkan kecekapan masing-masing, yang menjadi mangsanya petani kita, akhirnya tidak boleh dijual. Jadi, pada pandangan saya yang cetek, Yunit Pemasaran dalam Pertubuhan Peladang itu hendaklah dibubarkan dimasukkan di bawah FAMA sesuai sangatlah dengan usahanya.

Akhirnya, FAMA hendaklah bekerjasama kuat dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain, seperti FAMA telah mengeluarkan daging-daging, telur, sayur-sayuran, kelapa, FAMA tidak boleh berunding dengan agensi Kerajaan, dengan Kementerian Pertahanan, dengan hospital, dengan Polis dan lain-lain. Kementerian Pertahanan berkehendakkan daging ikan, sayur-sayuran tetapi kenapa FAMA tidak boleh merundingkan, membekalkan bahan-bahan ini pada hal FAMA ada penternak ayam di seluruh tanahair.

Telur dan daging ayam dibeli dari mana, Tuan Yang di-Pertua. Dibeli dari Singapura. Dibuat satu kontrek, dan dibuat tender yang dapat membekalkan kepada Kementerian Pertanian yang pada lahirnya orang Malaysia, tetapi pada hakikatnya orang Singapura. Kenapa tak boleh diberi kepada FAMA? Itulah sebabnya saya katakan kerjasama dari Menteri-menteri yang berkenaan memang dikehendaki dan kalau tidak, FAMA tidak akan berjalan dengan licin. Umpamanya hospital. FAMA ada bela ayam dan telur ayamnya banyak. Kenapa tak diminta kepada FAMA ataupun FAMA diberi peluang supaya ia boleh masuk dalam pemborongan di mana ia boleh bekalkan telur ayam, ayam, sayur dan juga boleh membekalkan kelapa. Kenapa masih hendak mengambil lagi kepada pemborong-pemborong yang lama, yang ada berbudi-bahasa dengan agensi-agensi Kerajaan yang saya sebutkan tadi.

Itulah sahaja, saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong Bill ini.

4.22 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1975 ini.

Dalam pemasaran ini memanglah kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan khasnya Kementerian Pertanian yang telah memainkan peranan yang penting untuk kemajuan pemasaran pertanian ini. Di masa-masa kebelakangan ini, memang kita nampak bahawa usaha-usaha atau peranan yang dimainkan itu tentulah kita berasa bangga, bahawa Timbalan Menteri Pertanian telah berusaha dengan bersungguh-sungguh terutama di Kedah dan Perlis khususnya mengenai Lembaga Pertubuhan Peladang bagi memajukan perusahaan-perusahaan yang diusahakan oleh petani-petani itu, tetapi di dalam pada itu, perubahan-perubahan itu memanglah ada untuk kemajuan-kemajuan pada masa yang akan datang sebagaimana Bil yang akan diluluskan pada hari ini untuk memberi kuasa kepada Lembaga bagi menubuhkan atau menggalakkan penubuhan syarikat di mana dalam Bill ini ada menyatakan untuk memasukkan seorang daripada ahli LPP dalam Lembaga itu dan begitu juga penukaran nama dari Timbalan Pengerusi kepada Ketua Pengarah, maka dengan

dengan menganjurkan beberapa usaha untuk memberikan kepada petani-petani selain daripada pertanian iaitu sebagaimana kita tahu memberikan ayam-ayam untuk pemeliharaan demi kemajuan pertanian juga. Di dalam soal ini patut diawasi kerana menjadi satu perkara yang rumit kepada pihak petani sebagaimana, pemasaran yang saya sebutkan tadi, sehingga ke hari ini masih terdapat beberapa pengeluaran perusahaan itu selain daripada perusahaan yang dibuatnya untuk peruntukan diri maka yang lebih selain daripada yang diberi oleh Kerajaan maka ditambah pula untuk kemajuan itu yang mana selalu kita dapat nasihat yang diberi oleh Kementerian ini kita tahu mendapat keuntungan tetapi pada akhirnya terdapat kerugian dengan sebab pemasaran. Jadi dengan kerana itu, syarikat untuk pemasaran pertanian ini patutlah diselenggarakan dengan secepat mungkin supaya usaha-usaha pertanian ini tidak gagal dan tidak menjadi jemu.

4.32 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang menyokong sama Bil yang sedang kita bahaskan sekarang ini dan saya sukalah menarik perhatian memberi beberapa pandangan dalam masalah-masalah FAMA yang mana setelah kita mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian semalam bahawa kerjasama dengan semua pihak untuk menjayakan tujuan FAMA ini adalah sangat penting terutama dengan LPP sendiri.

Saya bersetuju berkenaan dengan pandangan ini dan sukacita saya hendak menambah bukan sahaja dengan LPP ini di peringkat atasan iaitu dengan memasukkan seorang wakil LPP ke dalam Lembaga FAMA sahaja tetapi kerjasama yang perlu dilaksanakan bagi menghasilkan tujuan FAMA dan juga menaikkan taraf ekonomi petani-petani kita sendiri ialah kerjasama di peringkat bawahan sampai kepada peringkat pertengahan dan kepada peringkat yang paling tinggi seperti yang ada di dalam pindaan Bil ini. Perkara yang saya hendak timbulkan di sini ialah masalah pembahagian tugas di antara LPP dengan FAMA, nampaknya ada sedikit kekeliruan dalam pelaksanaan selama yang telah lepas ini.

Sebagaimana yang diterangkan oleh saudara saya yang terdahulu tadi menyatakan

bahawa LPP juga hendak menguruskan soal pemasaran FAMA juga demikian. Jadi saya nampak satu cadangan yang boleh dilaksanakan, misal kata LPP yang berhubung rapat dengan petani-petani di luar bandar ini menguruskan soal memajukan perusahaan pertanian dan juga ternakan dan sebagainya, kemudian menguruskan soal mengumpul dan memproses bahan-bahan hasil pertanian dan ternakan ini. Kemudian sampaikan kepada FAMA untuk memasarkan hasil perkilangan itu. Dari sini tidaklah timbul perebutan antara LPP dengan FAMA. Sebab kadang-kadang LPP juga hendak membeli atau hendak menguruskan penjualan maka FAMA juga hendak membeli pasaran itu. Kalau hendak dibahagikan tugas seperti tadi membeli bahan mentah kalau yang ada hubungan dengan kawasan LPP sebab LPP ini bukan semua tempat kita dapati ada tetapi di kawasan tertentu sahaja dalam Malaysia. Di kawasan yang ada LPP, maka LPP lah yang menguruskan soal ini. Bila tiba soal memasarkan hasil perkilangan seperti kacang tanah yang pernah berlaku di Kelantan pada satu masa dahulu, bila petani-petani mendapat banyak hasil daripada galakan rancangan Buku Hijau dan juga daripada usaha-usaha LPP dan sebagainya melalui Jabatan Pertanian dan kerjasama orang ramai semua hasil tanaman kacang tanah melimpah banyak dan pada masa itu pembelian kacang tanah melalui orang tengah sudah mula memainkan tipu helah mereka sehingga mereka tak hendak beli, menyebabkan harga kacang tanah jatuh.

Soal mengilang hasil pertanian ini yang saya tahu sedang dilaksanakan pengilangannya untuk memproses kacang tanah ini terutama di Kelantan dan lain-lain tempat. Jadi timbul tandatanya memasarkan hasil kilang memproses kacang tanah ini, bagaimana? Saya bimbang setelah diproses hasil daripada kilang yang didirikan dengan modal yang begitu banyak mungkin kita tak dapat hendak pasarkan. Jadi itulah masalahnya. Saya sama sependapat dengan saudara saya tadi menyatakan bahawa bukan sahaja pemasaran dalam negeri yang mesti diuruskan oleh FAMA bahkan juga pemasaran ke luar negeri, pemasaran international umpamanya dengan negeri-negeri luar yang lain yang memerlukan bahan pengeluaran kilang kita tadi. Inilah letaknya kerjasama yang saya katakan bersetuju dengan Timbalan Menteri bahawa kerjasama

ini bukan sahaja terhadap FAMA dengan LPP bahkan juga agensi-agensi lain seperti MARA, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, perbadanan-perbadanan ekonomi negeri dan sebagainya, semua ini berhajat kepada kerjasama sebagai collective dalam sebuah Kerajaan. Inilah masalah yang saya nampak perlu diatasi. Kalau tidak, walaupun kita dirikan kilang tetapi hasil kilang kita ini tidak ada tempat hendak dipasar. Saya tidaklah hendak timbulkan masalah hasil tanaman yang susah kita hendak simpan lama seperti tembikai dan sebagainya tetapi soal kacang tanah seperti yang saya sebutkan tadi boleh diselesaikan seperti juga soal lada hitam kerjasama semua pihak terutama dengan wakil kita di luar negeri, attache perdagangan kita dan sebagainya.

Saya teringat kepada apa yang disebutkan oleh saudara saya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi yang menyebutkan bahawa ada kilang untuk memproses buah markisa yang terpaksa ditutup. Kalau benar kilang ini telah ditutup akibat tidak ada hasil tanaman yang diusahakan oleh negeri itu, hantar sahaja ke Kelantan, orang Kelantan boleh mengeluarkan buah markisa bahkan MARDI telah buat percubaan menanam pokok markisa ini, hasil tanaman itu tidak dapat hendak bawa ke mana, tidak ada pasaran, kilangnya tidak ada. Hendak jual buah mentah itu tidak ada orang yang hendak beli. Kilang pun tidak ada, kalau sudah ada kilang yang ditutup, bawa sahaja ke Kelantan, tidak payah banyak masalah.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya nampak perkara ini pada pandangan setengah orang kecil tetapi bagi saya rasanya ini adalah satu pertolongan yang besar kepada petani-petani kita di luar bandar terutama di kawasan-kawasan yang keadaan jalanrayanya tidak begitu baik dan tidak ada pengangkutan, perkhidmatan bas ataupun lain-lain kenderaan yang boleh menolong mereka untuk membawa keluar hasil tanaman mereka ke pasar-pasar. Saya cadangkan supaya pihak Kementerian yang berkenaan melalui kerjasama FAMA dan LPP mengadakan alat pengangkutan hasil pertanian. Maksud saya bukan kita hendak adakan sebuah lori khas untuk pengangkutan ini, cukup dengan apa yang telah dirancang sekarang ini melalui LPP. Misalnya, Kementerian Pertanian memberi sumbangan trektor-trektor kepada petani-petani kita di luar bandar untuk

menolong usaha pertanian musim tenggala-menggala umpamanya, sebab di Kelantan ataupun di kawasan perairan yang mana tanaman padinya serentak yang memerlukan trektor, jentera tenggala ini banyak dalam satu masa yang tertentu. Tetapi setelah selesai musim membajak trektor-trektor ini kosong sahaja, tidak ada peranan, tidak ada kerja. Oleh itu saya cadangkan supaya pihak Kementerian ini samada melalui FAMA ataupun LPP dapat menghantar ataupun memberi samada melalui pinjaman ataupun melalui bantuan terus kepada LPP trailer-trailer yang boleh disangkutkan kepada trektor tadi untuk membawa hasil tanaman mereka ke pasar-pasar yang berhampiran dan juga boleh mereka gunakan untuk membawa masuk baja-baja daripada pusat LPP di daerah masing-masing ke ladang-ladang yang berkenaan, ke kawasan-kawasan yang tertentu di kawasan pertanian. Ini adalah satu khidmat yang boleh memberi pertolongan yang besar kepada petani-petani kita yang mana boleh menaikkan taraf kehidupan mereka. Ini satu masalah yang saya nampak boleh memberi kesan kalau benar-benar kita hendak memberi pertolongan kepada petani-petani yang sentiasa menghadapi kesulitan-kesulitan daripada kesan-kesan penjajah yang telah lama itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mencadangkan satu perkara supaya FAMA boleh bekerjasama khususnya di Kelantan dengan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri yang mana di dalam Lembaga Kemajuan Tanah Negeri ini yang sebahagian besar terletak di kawasan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita, banyak hasil-hasil tanaman mereka selain daripada getah dan padi, tanaman sementara mereka yang mana ditanam dalam kawasan dusun yang diuntukkan kepada mereka dua ekar bagi tiap-tiap seorang peneroka dalam rancangan itu. Hasil tanaman ini memang banyak. Saya tidak payah menerangkan banyak sebab pegawai FAMA sendiri pernah melawat dan membuat rundingan dengan pihak Lembaga Kemajuan Tanah Negeri tetapi yang saya hendak syorkan supaya melalui pindaan Bil ini, penubuhan syarikat yang mungkin ditubuhkan nanti boleh membuat joint-venture bersama dengan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri untuk memproses dan memasarkan hasil tanaman peneroka-peneroka dalam rancangan Lembaga Kemajuan Tanah itu. Saya tahu kalau di FELDA umpamanya mereka ada mempunyai sistem sendiri. Jadi

kalau dalam Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan itu memang tidak ada, dia bergantung semata-mata kepada kerjasama ejensi-ejensi Kerajaan Persekutuan yang boleh menolong menaikkan taraf ekonomi pen- roka dalam rancangan itu. Saya rasa ini satu cara yang baik selain daripada dapat men- olong FAMA mendapat bahan mentah untuk pasaran FAMA sendiri, boleh pula menolong petani-petani ataupun peladang-peladang dalam Lembaga Kemajuan Tanah Negeri itu untuk menjual hasil tanaman mereka dengan kemudahan-kemudahan yang ada pada FAMA sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan saya dan pada akhirnya saya sekali lagi menyokong Bil ini supaya diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.46 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.08 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

5.08 ptg.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut meyokong Rang Undang- undang ini yang akan dipinda oleh Kement- erian yang berkenaan. Dan terlebih dahulu sukalah saya menarik perhatian kepada Kementerian yang berkenaan dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian. Walaupun Rang Undang-undang ini telah dipinda beberapa kali tetapi nasib petani (peladang, tiga suku masih susah ataupun pengeluaran hasilnya merosot. Apa- kah sebabnya perkara ini berlaku? Jadi hendaklah dicari di mana kesilapan dan di manakah kesalahannya oleh Jabatan atau Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya tahu banyak Perbadanan telah ditubuh- kan, misalnya FAMA, PERNAS dan pada hari ini pula diadakan MARDI. Tetapi apakah tugas-tugas yang telah dijalankan oleh mereka untuk memberi kemudahan kepada kaum bumiputra, saya ingat 100% bantuannya sangatlah kurang. Mengikut kata Yang Berhormat Timbalan Menteri

syarikat-syarikat bumiputra akan menubuh- kan tetapi bumiputra yang mana akan diberi peluang, Tuan Yang di-Pertua? Ini adalah menimbulkan satu soalan, banyak syarikat- syarikat akan diberikan kepada bumiputra, tetapi sebagaimana sahabat-sahabat saya telah katakan tadi semuanya buaya darat yang pinjam. Yang ada di tepi ini semuanya menderita dan susah. Saya sebutkan kerana Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh ada di sini—saya tahu PERNAS juga ada berjanji untuk menolong bumiputra menjadi pengimpot ataupun menjadi wakil PERNAS. Salah seorang daripadanya ialah saya sendiri ada memohon untuk menjadi wakil PERNAS. Apakah yang dijawab oleh PERNAS itu? Sudah ada enam orang wakil PERNAS. Siapakah wakil PERNAS itu, Tuan Yang di-Pertua? Bukan orang-orang Melayu, tetapi kesemuanya kaum China. Kementerian memang sedap bercakap, itu boleh, ini boleh, tetapi bila kita hendak minta sangat-sangat sukar dan susah. Kalau bercakap di sini mengenangkan untuk nasib orang-orang Melayu pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga biasa terkena baru-baru ini, tetapi titisan air mata tidak dilihat oleh sesiapa pun. Saya berharap Kementerian yang telah membuat janji berik- anlah kemudahan, kesenangan kepada petani-petani dan lain-lain orang juga. Tanaman-tanaman yang ditanam semasa Buku Hijau hendaklah digalakkan, sebagai- mana kata sahabat saya, kerahlah semua orang tanam.

Barangkali di Pulau Pinang, hendak dikata bukit, tidak, Tuan Yang di-Pertua, tetapi buah tembikai yang ditanam banyak yang busuk kerana tidak ada orang yang hendak membeli hasil-hasil tanaman itu. Siapakah yang rugi? Si miskin tadi juga merempat. Jadi sebelum perjanjian dibuat, hendaklah ditentukan siapakah hendak beli hasil yang kita tanam itu supaya petani-petani dan juga orang-orang lain yang duduk di kampung- kampung ataupun di luar bandar dapat merasa nikmat yang Kerajaan telah menga- kui untuk memberi kerenangan kepada bumiputra yang sebenar-benarnya. Janganlah bumiputra tempek-menempek sahaja!

Tuan Yang di-Pertua, sekarang banyak janji-janji hendak memberi pertolongan kepada bumiputra. Kalau diberi kepada bumiputra yang miskin bagus juga. Tetapi mula-mula bercakap manis macam gula, manis lagi mulut si bercakap tadi. Tetapi

sesudah itu, apa akan jadi kepada orang-orang Melayu ataupun bumiputra, melainkan berpeluk tangan melihat permaidani tebal siapa punya, kerusi yang lembik itu siapakah yang duduk—begitulah nasibnya orang-orang kampung.

Saya berharap kepada saudara-saudara saya kalau sungguh beliau seorang Melayu tulen, hendaklah diberi bantuan dengan sepenuhnya. Macam saudara saya katakan tadi kalau hendak tanam kopi, hendaklah disiasat dimanakah dapat kita tanam maka hendaklah ditanam dengan banyak sampai beratus-ratus atau beribu-ribu ekar. Begitu juga kalau saya tidak salah, Menteri ada bercakap hendak tanam sayur-sayuran seperti kobis dan lain-lain. Kalau tanaman ini hendak ditanam, hendaklah dicari benih-benih yang baik. Janganlah tanaman itu jadi macam cacing—kurus—kobis tidak jadi. Jadi nasib petani dan peladang pun begitu juga.

Hari ini kita megah kerana TV dan radio hari-hari ada menyatakan perkara ini, tetapi muka orang itu juga yang ada di TV, orang lain tidak ada. Ini hendak merabunkan mata rakyat. Tanaman itu juga yang ditunjukkan. Tidak ada tempat lain sedangkan masih banyak tanah-tanah di kawasan-kawasan orang Melayu. Kita mesti ingat kedudukan rakyat di Pulau Pinang. Kalau rakyat negeri lain dilayan senang, maka rakyat Pulau Pinang tentu hendak merasa nikmat juga.

Saya juga tidak hendak bercakap panjang, sebab Rang Undang-undang ini makan masa sudah dua hari, saya berharap muga-muga Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat melaksanakan rancangan dan tugas-tugas ini supaya akan dapat kesenangan dan kemudahan kepada bumiputra yang sebenar-benarnya.

5.15 ptg.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Pindaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ini. Saya bangun memberikan ucapan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingat daripada minggu-minggu yang sudah sampai hari ini beliau telah duduk di dalam Dewan ini dengan sabar dan memberikan jawapannya dengan baik. Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ini, saya mengucapkan

setinggi-tinggi tahniah, tetapi apa yang saya hairan mengapa Timbalan Menteri sahaja yang ada di sini, Menteri penuh tidak ada.

Tujuan Rang Undang-undang ini serupa juga dengan Rang Undang-undang yang lain yang kita telah luluskan pada minggu lepas dan juga dengan satu Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan pada hari ini dengan memberi kuasa kepada Lembaga FAMA untuk menubuhkan atau meluluskan syarikat usaha bersama dengan syarikat-syarikat yang difikirkan baik kelak. Bagaimanapun, Rang Undang-undang ini apabila diluluskan oleh Dewan ini juga akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan. Saya suka sentuh sedikit oleh sebab perkara perbelanjaan ini dengan syarikat-syarikat joint venture yang akan ditubuhkan dengan FAMA mestilah Kementerian ini berhati-hati. Oleh sebab kita dapati banyak syarikat-syarikat yang joint venture dengan perbadanan-perbadanan (corporation) Kerajaan telahpun setengahnya berjalan dengan baik manakala setengahnya pula ada yang tidak berjalan baik.

Saya minta kepada Kementerian berkenaan memberi jaminan kepada Dewan ini dapatkah Kementerian ini apabila tertubuhnya joint venture antara FAMA dengan syarikat-syarikat tertentu pada masa yang akan datang iaitu menguasai atau menjalankan penyelidikan atau membuat penyiasatan jikalau ada penyelewengan berkenaan dengan perbelanjaan wang yang kita akan keluarkan dan akan belanjakan dengan begitu banyak. Sebab FAMA seperti juga badan-badan berkanun yang lain, wang yang datang adalah datangnya daripada wang negara. Jikalau wang datangnya daripada wang negara maka tidaklah rasanya susah hendak diperbelanjakan dengan satu-satu projek samada untung atau tidak.

Jadi, dengan itu pandangan daripada perbadanan-perbadanan lain yang ada di tanahair kita sekarang dan beberapa perbadanan-perbadanan mengikut Penyata Tahunannya tidak begitu menarik hati kita atau dapat kepujian yang menggalakkan lebih banyak lagi perbadanan-perbadanan berkongsi bersama dengan syarikat-syarikat yang tujuannya hendak meluaskan perniagaan itu. Jika kita tidak dapat mengatasi dan mengawasi dan juga campurtangan di atas hal ini, maka wang Kerajaan akan dibelanjakan dengan sia-sia sahaja. Oleh sebab

perkara ini sudah panjang kita bahaskan berkenaan dengan Rang Undang-undang ini dan juga saya nampak dalam Dewan ini daripada tadi Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan telah berada mungkin dia akan membawa usulnya dalam Dewan ini, jadi itulah sahaja pandangan saya dan saya ucapkan terima kasih.

5.21 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada hujah-hujah yang telah dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin menerangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, peruntukan sebanyak \$25.2 juta telah diluluskan kepada FAMA bagi menjalankan projek-projek pembangunan dan peruntukan yang berjumlah \$25.2 juta ini merupakan tambahan sebanyak 153% daripada jumlah peruntukan FAMA di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Daripada jumlah ini \$4,457,000 atau 17.6% adalah untuk projek-projek sambungan dan bakinya untuk projek-projek baharu iaitu projek-projek yang akan dijalankan:

- (1) Pusat menggred dan memproses lada hitam sebanyak \$4.3 juta. Penyiasatan dan Penyelidikan \$154,000. Pusat pemasaran hasil-hasil pertanian \$2.4 juta. Pusat Memproses Kelapa Kering \$2.8 juta. Kilang minyak kelapa \$6.6 juta. Pusat Memproses Koko \$868,000. Projek Menanam dan Memproses Kacang Tanah \$4.8 juta dan Projek Menanam dan Memproses Bijian-bijian Makanan Ternakan sebanyak \$2.9 juta.

Peruntukan ini telah diluluskan dan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga di antaranya ialah:

- (i) Meneruskan pembinaan 3 buah Pusat Menggred dan memproses lada hitam yang dibina di Negeri Sarawak—Kuching dan Sarikei dan di Johor—di Johor Bahru yang dijadualkan siap pada penghujung tahun 1977 oleh Jemaah Pemasaran Lada Hitam.
- (ii) Menjalankan kerja-kerja penyiasatan dan penyelidikan hasil-hasil pertanian meliputi pengeluaran dan pemasaran.

- (iii) Membina 31 buah Pusat-pusat Pemasaran Hasil Pertanian di tempat-tempat yang strategik, di kawasan-kawasan pengeluaran utama bagi hasil-hasil pertanian yang tertentu di seluruh Semenanjung Malaysia.
- (iv) Mendirikan 14 buah Pusat Memproses Kelapa Kering di kawasan-kawasan pengeluaran utama kelapa di seluruh Malaysia sebagai tambahan kepada 6 buah Pusat yang didirikan di bawah Rancangan Malaysia Kedua.
- (v) Mendirikan 3 buah Kilang Minyak Kelapa di Hilir Perak, di Pantai Barat, Sabah dan juga di Kelantan.
- (vi) Menyediakan kemudahan-kemudahan memproses Koko dengan mendirikan pusat-pusat memproses koko di Hilir Perak sebagai tambahan kepada pusat yang sama dan akan didirikan di Sabak Bernam.
- (vii) Menubuhkan projek menanam dan memproses kacang tanah di Tanah Merah, Kelantan yang melibatkan penanaman dan memproses kacang tanah dijadikan minyak.
- (viii) Menubuhkan projek menanam dan memproses bijian-bijian makanan ternakan di Negeri Perak, Kedah dan Perlis yang melibatkan penanaman dan memproses tanaman seperti jagong, sekoi, kacang soya dan lain-lain secara bergilir-gilir.
- (ix) Mendirikan 3 buah Pusat Memproses Kerepek Pisang di Kuala Kerai, Kelantan, Jerantut, Pahang dan Batu Kurau, Perak yang merupakan kawasan-kawasan utama pengeluaran pisang.
- (x) Menggalakkan perkembangan kemajuan perusahaan lada hitam dalam negeri ini dengan menyertai projek-projek menjual-beli lada hitam.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam memberikan ulasan-ulasan kepada pendapat-pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang pertama sekali saya ingin memberi ulasan pandangan Yang Berhormat Datuk Nik Hassan yang mana beliau meminta supaya jangan dipuji di dalam jawapan saya. Sukalah saya menerangkan daripada semenjak 7hb Januari, 1977 iaitu hari Jumaat yang lalu, saya memberikan jawapan atas hujah-hujah yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dengan mendahulukan ucapan

terima kasih saya ialah kerana banyak pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang membina sebagai nasihat kepada Kementerian saya. Walaupun pandangan-pandangan itu sebahagian besarnya telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian saya, saya perlu memberi penghargaan atas pandangan-pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini bukanlah pujian yang berlebih-lebihan tetapi adalah merupakan satu penghargaan daripada Kementerian saya. Saya mempunyai keyakinan yang penuh kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini mengikut segala perkembangan Kementerian saya, oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan ini yang banyak mempunyai pengalaman perlu saya memberikan penghargaan dan saya faham pujian-pujian yang berlebih-lebihan adalah bagi Allah semata-mata, tetapi penghargaan bagi hamba Allah patut dizahirkan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan juga yang mana beliau merasa agak bimbang sedikit di dalam beberapa soal Kementerian ini tidak mempunyai kuasa memeriksa syarikat ataupun perbadanan dalam kira-kira dan terpujang kepada bijak pandai Pengarahnya banyak menimbulkan berbagai-bagai supaya satu jabatan khas untuk menjalankan penyelidikan setiap masa kepada semua syarikat yang ditubuhkan dan juga banyak penyakit-penyakit bisul dan sebagainya. Dalam memberi jawapan ini, pandangan Yang Berhormat ini adalah diambil ingatan yang berat dan Kementerian ini akan mengikut segala perkembangan semua usahasama di antara FAMA dengan swasta yang akan dijalankan nanti, sekurang-kurangnya Ahli Lembaga Pengarah akan disertai oleh wakil-wakil daripada Kementerian dan juga oleh Perbendaharaan dan juga bersama-sama mengawal perjalanan syarikat-syarikat ini dan FAMA akan memiliki saham yang lebih dengan tujuan mengawal syarikat ini. Dan Kementerian ini akan memberi kawalan yang cukup samada persediaan di dalam Articles & Memorandum ataupun cara-cara yang lain untuk keselamatan perjalanan Rang Undang-undang ini.

Kepada Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoon Hock berhubung dengan masalah harga kopi-O meningkat daripada 20 sen hingga 25 sen supaya Kementerian ini

menggalakkan tanaman kopi. Sebenarnya memanglah Kementerian ini menggalakkan tanaman kopi pada hari ini dengan memberi subsidi di bawah Rancangan Bantuan Tanaman Ladang. Saya fikir berhubung dengan kenaikan kopi-O di antara 20 sen kepada 25 sen ini adalah berpatutan sebab saya fikir di dalam keadaan serupa ini petani-petani patut juga mendapat pertambahan pendapatan di dalam kemajuan mereka.

Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah membangkitkan tanaman sayur tidak dapat pasaran yang baik dan juga tanaman-tanaman kontan selalu pasarannya tidak memuaskan. Di sini masalah sayur-sayuran dan tanaman-tanaman yang mudah rosak yang ditanam di bawah Rancangan Buku Hijau, saya fikir Buku Hijau ini adalah dipengerusikan oleh tiap-tiap Pegawai Daerah dan ahli jawatankuasa Buku Hijau daerah adalah di antaranya pegawai FAMA menjadi ahli di dalam daerah itu dan FAMA biasanya akan menasihatkan jenis tanaman yang perlu ditanam secara kecil-kecilan atau besar-besaran supaya mereka mengetahui berapa banyak tanaman yang akan dikeluarkan, dan bila masanya tanaman ini akan mengeluarkan hasil maka pegawai FAMA akan mengatur pemasaran tanaman-tanaman yang di bawah Rancangan Buku Hijau. Tetapi jika sekiranya tanaman ini dibuat dengan sendirinya tidak memberi tahu pegawai FAMA terlebih dahulu maka pasaran-pasaran agak susah untuk mengatur kerana banyak hasil tanaman dikeluarkan ini menyebabkan harganya telah menjadi turun.

Kepada pandangan-pandangan Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak, beliau bimbang kerana balik-balik orang Kerajaan sahaja dilantik jadi Pengarah, tembikai berlambak-lambak, nenas dan lain-lainnya. Sebenarnya begini Ahli Yang Berhormat. Kalau sekiranya Pengarah ini mewakili Kementerian, mewakili Perbendaharaan dan mewakili FAMA, maka Kementerian saya terpaksa mengambil pegawai-pegawai daripada jabatan-jabatan dan Kementerian tersebut kerana mereka ini adalah pegawai Kerajaan dan sebarang penyelewengan yang dijalankan oleh pegawai ini tindakan akan dapat diambil, kerana mereka ini pegawai-pegawai Kerajaan yang senang diambil tindakan.

Selain daripada itu, beliau juga menyebutkan soal asid yang ada pada koko.

Sebenarnya Kementerian telahpun membuat penyiasatan dan meminta MARDI untuk menjalankan penyiasatan dan kursus-kursus telahpun dijalankan baru-baru ini pada 29hb Disember yang lalu diadakan di Sabak Bernam. Semua penanam koko daripada Johor, Perak, Pulau Pinang dan Sabak Bernam telah dapat diberi ilmu pengetahuan di dalam mengelakkan masalah ini dan juga memproses koko di kawasan masing-masing.

Ahli Yang Berhormat itu menyatakan kopi di Banting mutunya rendah dan harganya murah, ini berlawanan dengan pendapat daripada Yang Berhormat Datuk Wee Khoo Hock yang mengatakan kopi sekarang sudah naik harga, tetapi Ahli Yang Berhormat itu mengatakan murah harganya dan saya mendapati pada hari ini ada dua jenis kopi yang ditanam dalam negara kita, iaitu di Banting ialah jenis Liberica dan sedang digalakkan tanaman jenis Robasta. Walau bagaimanapun, Kementerian ini terus-menerus menggalakkan tanaman kopi supaya mencukupi bagi keperluan negara. Pada hari ini lebih kurang dalam 20,000 ekar sahaja tanaman kopi di seluruh Semenanjung Malaysia dan pengguna-pengguna masih banyak lagi menggunakan kopi yang dikehendaki untuk keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad juga telah menyentuh berkenaan dengan mengapa tidak diadakan kilang tomato. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat itu faham. Ahli Yang Berhormat itu suka mengambil tahu soal ini sebab dekat dengan kawasan beliau. Yang saya dapat tahu di Peserai adalah satu jenis tanah yang sangat sesuai untuk ditanam tomato dan sedang ditanam tomato dengan jenis tomato ruma, iaitu perkahwinan di antara tomata dengan terong, menjadi tomato ruma untuk dijadikan tomato sauce dan ini telahpun berjaya dibuat di sana dan ini sedang dirancang oleh LPP Batu Pahat dan apabila tanaman ini dapat kejayaan yang sepenuhnya, insya Allah, kilang akan diadakan joint venture di antara Persatuan Peladang dan juga pihak swasta. Yang kedua, beliau berterima kasih kerana lada hitam subur di Johor. Ini memang betul, tidak boleh dinafikan oleh sesiapa. Selain daripada Johor, kita jangan lupa Sarawak adalah negeri yang terkenal di dalam soal lada hitam. Oleh kerana itu Johor menjadi negeri yang kedua, yang pertama ialah Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, beliau juga meminta pasaran padi mengapa dikeluarkan daripada FAMA supaya dimasukkan balik kepada FAMA, tidak kepada LPN. Di sini untuk perhatian Ahli Yang Berhormat, padi adalah merupakan hasil tanaman dan makanan rakyat yang utama dalam negara kita dan padi adalah diberi jaminan harganya oleh pihak Kerajaan dan pihak LPN telahpun dapat menjalankan pengawalan yang sangat baik. Oleh kerana itu kita berterima kasih kepada LPN dan saya sendiri sebagai Timbalan Menteri Pertanian tidaklah berhajat untuk mengambil balik LPN ini dimasukkan kepada FAMA.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu beliau juga melahirkan soal kebimbangannya, pemasaran berebut-rebut di antara FAMA dan peladang. Ini sebenarnya ada sedikit kesilapan. Yang sebenarnya tidak ada sebarang perebutan di antara Lembaga Pertubuhan Peladang dengan pihak FAMA, kerana Lembaga Pertubuhan Peladang hanya memasarkan hasil-hasil pertanian yang dijayakan oleh ahli-ahlinya sahaja dan FAMA adalah memasarkan hasil pertanian daripada orang ramai, itupun pihak Lembaga Pertubuhan Peladang mengucapkan terima kasih di atas kerja FAMA di dalam mencari pasaran-pasaran yang tertentu. Oleh kerana itu, soal berebut-rebut tidak berbangkit tetapi walau bagaimanapun, jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dapati perkara ini ada berlaku, bolehlah beritahu kepada saya supaya dapat saya selesaikan. Perkara ini sangat kecil, yakni perkara hal rumahtangga di antara gigi dengan lidah.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat Tuan Ismail Sheikh Ibrahim mengenai masalah pasaran tembikai, kacang dan sayur-sayuran. Masalah kacang dan sayur-sayuran, saya telah sebutkan tadi, tetapi masalah tembikai ini adalah satu jenis tanaman yang susah hendak diproses kerana tembikai ini adalah mengandungi 90% daripada air, hanya barangkali kalau boleh hendak digunakan kuacinya sahaja, inipun pasarannya tidak begitu baik. Saya harap tembikai ini tidaklah hendak ditanam terlampau banyak sangat tetapi walau bagaimanapun, kalau sekiranya keadaan memerlukan kita berkehendak hasil yang banyak maka boleh ditanam tetapi hendaklah berpadanan dengan pengguna-pengguna yang memerlukan tembikai.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kemasukan buah-buahan daripada luar negeri supaya dikawal, sebenarnya soal lesen impot buah-buahan ini telahpun dinaikkan oleh Kerajaan lebih daripada \$200 hingga kepada lebih \$800 dengan tujuan ini adalah satu galakkan kepada petani-petani supaya mereka rajin menanam buah-buahan. Oleh kerana itu jika sekiranya buah-buahan yang diimpot ini dinaikkan lesen impot yang begitu tinggi, maka dengan sendirinya kita harapkan pasaran buah-buahan tempatan akan lebih laku dan akan lebih maju lagi pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Amin berhubung dengan kerjasama LPP dengan FAMA di dalam soal pemasaran telahpun saya jawab dan begitu juga Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan soal kacang tanah di Kelantan. Alhamdulillah, kacang tanah di Kelantan telah dapat diatasi oleh pihak FAMA dan juga dengan kerjasama daripada Koperasi Peladang. Dan juga masalah pengangkutan hasil pertanian melalui LPP patut disediakan trailer-trailer. Ini memang menjadi dasar kepada Lembaga Pertubuhan Peladang jika sekiranya sesuatu kawasan itu telah mempunyai traktor dan ingin tambahan bagi mendapatkan trailer, maka diminta Pengurus kawasan itu membuat kertas kerja untuk dihantarkan kepada Pejabat LPP, insya Allah, akan dapat diluluskan. Dan lagi beliau mengesyorkan supaya mengadakan joint venture di antara Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan dengan pihak FAMA dan perkara ini akan ditimbang. Jika sekiranya perlu, insya Allah, akan dapat ditimbang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Dasimah Dasir telah bertanya sekarang ini sudah ada lima Menteri Pertanian dari semenjak kita mencapai kemerdekaan, tetapi kedudukan petani-petani masih miskin lagi. Ini satu masalah yang perlu saya terangkan sedikit. Ini adalah bergantung kepada tiga pihak. Yang pertama, pihak yang membuat dasar, yang menyediakan kewangan dan menyediakan rancangan. Pihak yang kedua, yang melaksanakan dasar iaitu pegawai Kerajaan dan Badan-badan Berkanun. Pihak yang ketiga, yang menyambut dasar iaitu rakyat sendiri. Jadi dengan adanya kerjasama dari tiga pihak ini, barulah satu-satu projek Kerajaan itu dapat dijalankan dengan sem-

purna. Oleh kerana itu hanya yang tidak boleh dibuat oleh Menteri-menteri kita pada hari ini ialah memberi kekayaan kepada seseorang—itu sahaja. Yang kita dapat ialah menyediakan infrastruktur, kemudahan-kemudahan, subsidi dan sebagainya dan mudah-mudahan dengan adanya peruntukan ini maka barulah rakyat itu akan dapat berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi meninggikan taraf hidup mereka. Di Pulau Pinang agak susah sedikit dalam lapangan pertanian oleh kerana kedudukan tanah di sana tidak mencukupi. Ini Ahli Yang Berhormat dapat memahami apa yang saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Seri Hussein Noordin telah membangkitkan samada boleh menguasai sebarang penyelewengan wang yang akan dijalankan oleh joint venture yang akan datang. Ini telahpun saya terangkan bahawa Kementerian akan mengawasi sepenuhnya. Saham yang lebih akan dipunyai oleh FAMA dan wakil daripada Kementerian, Perbadanan dan FAMA sendiri akan terus mengawasinya dengan sepenuhnya. Oleh itu saya ingin mendapat doa restu daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, mudah-mudahan dengan adanya Rang Undang-undang ini diluluskan, kita akan dapat berjalan dengan baik dan sempurna dan akan dapat memberi pertolongan dan kebajikan kepada semua pihak.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIAN PERTAMBAHAN HASIL

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.41 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa “Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memperuntukkan pemberian-pemberian pertambahan hasil kepada Kerajaan-kerajaan Negeri berdasarkan pertambahan hasil Persekutuan dengan tujuan untuk memberi bantuan kewangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi maksud-maksud tertentu” dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Sebagaimana yang saya telah jelaskan di Dewan Rakyat baru-baru ini, tujuan Pemberian Pertambahan Hasil ini ialah untuk membantu menambahkan lagi punca-punca hasil Kerajaan-kerajaan Negeri yang ada sekarang. Ini merupakan kali pertama dalam sejarah tanah air kita dalam mana Kerajaan Pusat memberi bantuan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan kepada pertambahan hasil. Memang difikir wajar bantuan seumpama ini dibuat oleh kerana Kerajaan-kerajaan Negeri terlibat dalam usaha pembangunan tanah air kita. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, punca-punca hasil Kerajaan Negeri adalah seperti yang ditetapkan di dalam Perlembagaan iaitu terdiri dari pemberian-pemberian dari Kerajaan Persekutuan dan sumber-sumber hasil Kerajaan-kerajaan Negeri itu sendiri. Pemberian-pemberian dari Kerajaan Persekutuan adalah terdiri dari—

- (i) Pemberian Mengikut Bilangan Orang (“Capitation Grant”);
- (ii) Pemberian Jalan Raya Negeri (“State Road Grant”); dan
- (iii) Serahan sebahagian daripada duti eksport atas galian;

manakala hasil-hasil Kerajaan Negeri sendiri pula hanya terdiri daripada sumber-sumber yang tertentu seperti hasil tanah, hutan, lesen-lesen yang tertentu, cukai hiburan dan lain-lainnya sebagaimana yang termaktub di dalam Jadual Kesepuluh, Perlembagaan.

Punca-punca hasil Kerajaan Negeri seperti saya sebutkan tadi adalah terhad dan tidak berkembang dengan pesatnya sejajar dengan pertambahan perbelanjaan. Perbelanjaan-perbelanjaan Kerajaan Negeri samada perbelanjaan semasa (current expenditure) mahu

pun perbelanjaan pembangunan terus meningkat dari tahun ke setahun akibat daripada tambahan kakitangan-kakitangan dan perbelanjaan-perbelanjaan semasa yang lain selain daripada perbelanjaan-perbelanjaan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan mereka. Di samping itu, perbelanjaan semasa juga kadangkala bertambah berikutan dengan sesuatu keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan yang terpaksa diikuti oleh Kerajaan-kerajaan Negeri seperti perlaksanaan gaji baru, bayaran bonus dan sebagainya. Tambahan pula Kerajaan-kerajaan Negeri juga adalah memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan Rancangan-rancangan Pembangunan dalam negeri masing-masing. Dari jumlah perbelanjaan pembangunan sebanyak \$18.6 ribu juta yang diperuntukkan bagi Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak \$1.4 ribu juta daripadanya adalah merupakan peruntukan perbelanjaan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dari punca-punca hasilnya sendiri. Ini adalah menambahkan lagi bebanan yang dihadapi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi, adalah diakui bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri dengan secara tidak langsung memberi sumbangan kepada perkembangan hasil Persekutuan.

Memandangkan kepada kedudukan kewangan Kerajaan-kerajaan Negeri sekarang ini, adalah sangat kena pada masanya bagi Kerajaan Persekutuan menambahkan bantuan kewangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, khususnya bagi negeri-negeri yang kurang pendapatannya. Dengan itu Kerajaan-kerajaan Negeri diharapkan akan dapat melaksanakan projek-projek pembangunannya dengan lebih licin dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tujuan inilah maka saya mengemukakan Rang Undang-undang ini yang akan memberi satu lagi tambahan kepada sumber pendapatan Kerajaan-kerajaan Negeri. Sumber ini berupa satu pemberian yang dinamakan Pemberian Pertambahan Hasil (“Revenue Growth Grant”). Pemberian ini akan diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sekiranya kadar pertambahan hasil Kerajaan Persekutuan dalam satu-satu tahun itu melebihi 10% daripada hasil tahun sebelumnya setelah akaun itu diodit. Bagi mengira pertambahan hasil ini, hasil-hasil dari duti eksport bijih timah dan pengangkutan jalan adalah ditolak daripada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan yang akan dibahagi-bahagikan. Sebabnya

ialah oleh kerana 10% daripada duti eksport tersebut adalah diserahkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan, manakala hasil daripada pengangkutan jalan pula adalah dinikmati oleh negeri-negeri dalam bentuk Pemberian Jalan Raya Negeri. Jumlah hasil Persekutuan melebihi 10% seperti yang dinyatakan tadi akan dibahagi-bahagikan di antara Kerajaan-kerajaan Negeri tertakluk kepada had maksima sebanyak \$50 juta dalam satu-satu tahun. Had maksima ini boleh dikaji semula dan diubah oleh Menteri Kewangan. Cara pembahagiannya adalah dibuat mengikut formula tertentu seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini.

Berdasarkan kepada pemberian maksima sebanyak \$50 juta itu, pembahagian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri mengikut perkiaraan secara kasar adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah</i> \$ juta
Johor	4.6
Kedah	4.3
Kelantan	3.9
Melaka	3.2
Negeri Sembilan	3.5
Pahang	3.6
Pulau Pinang	4.0
Perak	4.8
Perlis	2.3
Selangor	4.3
Trengganu	3.2
Sabah	3.8
Sarawak	4.3

Pemberian Pertambahan Hasil ini hanya boleh digunakan oleh Negeri-negeri bagi melaksanakan projek-projek pembangunan seperti bekalan air, perumahan awam, pembangunan kawasan perindustrian dan lain-lain projek pembangunan yang akan ditetapkan oleh Majlis Kewangan Negara dari masa ke semasa.

Adalah dicadangkan bahawa Undang-undang ini berkuatkuasa mulai dari 1hb Januari, 1975. Dengan itu, pemberian ini boleh dibuat pada tahun ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya tegaskan di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini iaitu sungguhpun Negeri-negeri akan mendapat satu sumber pendapatan lagi dari-

pada Kerajaan Persekutuan, tetapi Kerajaan Negeri hendaklah juga berusaha dengan seberapa daya yang boleh untuk memperbaiki kedudukan kewangan mereka dengan melipatgandakan lagi usaha-usaha mereka dalam pengutipan hasil. Di samping itu, mereka juga adalah digesa supaya mengawal perbelanjaan mereka dengan rapi serta mengelak sebarang perbelanjaan yang membazir. Dengan ini adalah diharapkan Kerajaan-kerajaan Negeri akan dapat melaksanakan projek-projek mereka di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dengan jayanya demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.50 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan yang di-Pertua, saya mengambil peluang mengucapkan berbilang terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Malaysia kerana telah memperuntukkan satu pertambahan hasil bagi negeri-negeri dalam Malaysia ini dengan menjayakan perkara yang tertentu di dalam Rang Undang-undang ini dan yang akan dikaji kepada beberapa perkara lagi setelah diluluskan oleh Kerajaan pada masa yang akan datang. Sesungguhnya pemberian wang yang berjumlah sebanyak \$50 juta ini bukan sahaja satu pemberian selamat tahun baru kepada negeri-negeri tetapi ini merupakan satu nafas baru kepada negeri-negeri di dalam Malaysia ini atas keyakinan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menjayakan dan mentadbirkan negerinya untuk kebajikan rakyat di dalam negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, perbezaan angka yang diberikan peruntukan kepada tiap negeri tidaklah menjadi perhitungan. Walaupun boleh diperkatakan tetapi ini tidaklah menjadi persoalan, hanya kita harap kajian yang lebih teliti akan dapat diatur atau dikaji pada masa akan datang. Tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mencontohkan suatu perkara umpamanya pemberian kepada negeri Sabah iaitu \$3.8 juta dan dibandingkan dengan negeri Pahang \$3.6 juta. Kita tahu Sabah adalah sebuah negeri yang terkaya di antara negeri-negeri

di Malaysia ini, yang mempunyai bahan-bahan hasil yang banyak, selain daripada kayu-kayan terdapat juga minyak yang telah mengalir yang pada hari ini membanggakan negara kita iaitu pengeluaran minyak di Sabah. Kalau dipertimbangkan dari segi kelebihan manusia saya fikir di Sabah itu tidak melebihi bila dibandingkan dengan manusia yang ada di Pahang dan kalau dikira hutannya lebih banyak di Sabah yang kaya dan tebal hutannya dan lebih baik jenis kayunya dan banyak bilangan tannya pada kiraan ekar bila dibandingkan dengan negeri Pahang. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sebagai mula perkataan saya tadi pemberian yang hampir sama ini tidaklah menjadi masalah tetapi boleh juga dijadikan pertimbangan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada masa yang akan datang. Sebaliknya yang menjadi pokok sokongan saya kepada Bil ini ialah satu inisiatif yang baru menggerakkan Kerajaan Negeri dengan tidak mengenakan sebarang faedah daripada pemberian ini. Pemberian ini adalah pemberian hangus bagi tujuan yang disebutkan atau yang dirakamkan dalam Akta ini. Dan saya mohon, Tuan Yang di-Pertua, walaupun diberi secara langsung kepada negeri-negeri, pihak Perbendaharaan harus menimbangkan ke arah mana pemberian daripada satu negeri kepada bahagian-bahagian negeri itu supaya adil. Pada hari ini negeri kita walaupun maju tetapi kita masih menuntut kemajuan itu lebih-lebih lagi. Katalah negeri Kelantan umpamanya keadaan di Kota Bharu dengan keadaan di Kuala Krai adalah berbeza, begitu juga negeri Trengganu di antara Kuala Trengganu dan Ulu Trengganu adalah jauh berbeza. Jadi kita harap dalam masa Kerajaan memberi bantuan ini, Kerajaan Pusat harus memikirkan keadilan Kerajaan Negeri memberikan peruntukan kepada tiap-tiap daerah atau jabatan di dalam negerinya dengan penuh keadilan. Saya tidak sangsi keadilan akan tiba, tetapi kesilapan juga kadangkala berlaku dan daripada kesilapan itu sesuatu yang baik akan menjadi kurang baik dan boleh dikatakan kelak timbul sungutan, "limau manis sebelah" atau dengan lain-lain perumpamaan yang saya fikir Yang Berhormat Menteri berkenaan boleh mencontohi dalam pepatah Melayu dan Inggeris dengan maksud yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau sudah cinta maka bercakap banyak itupun tidak menjadi bukti, hanya kasih sayang itu timbul dalam ucapan terima kasih kepada

Kerajaan Pusat dan saya berdoa kepada Tuhan mudah-mudahan dengan dapatnya hasil yang besar daripada hasil negara kita terutamanya minyak atau cecair gas atau lain-lain sumber yang terpendam di dalam negara kita ini akan dapat dikeluarkan, dibongkar bagi kesejahteraan dan keharmonian rakyat pada masa hadapan oleh Kerajaan kita hari ini.

Saya menyeru kepada pakar-pakar kaji-bumi supaya mengkaji lebih mendalam lagi selain daripada hasil minyak yang dapat dicetuskan sekarang ini juga hasil-hasil yang lain umpamanya minyak di daerah pendalaman belum ada kajian yang mendalam, mungkin ada minyak di tanah daratan kita yang hari ini cuma didapati minyak dapat dikaji dan diselidik di dasar laut, mungkin ada batu permata, intan berlian yang masih terpendam. Dan ini kalau dapat diusahakan atau dibongkar daripada kajian-kajian pengkaji hasil bumi negara kita akan lebih membawa kemakmuran dan lebih membawa kebahagiaan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya tidak hendak mengambil peluang bercakap panjang dan saya pertamanya menyokong Bil ini dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pusat juga Menteri yang berkenaan yang telah mengalurkan satu cara yang mendekatkan hati dan jiwa di antara negeri-negeri dengan Kerajaan Pusat. Apatah lagi kalau boleh angka-angka yang berjumlah \$50 juta ini akan dapat ditimbangankan pembahagiannya pada satu masa yang akan datang pertambahannya kepada angka yang lebih besar lagi akan dikemukakan ke Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sepenuh-penuh hati menyokong Bil ini untuk diluluskan. Terima kasih.

6.00 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang pada petang ini menyokong penuh Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sebentar tadi dan saya rasa ini adalah satu rahmat yang paling besar kepada rakyat di negeri-negeri dalam Semenanjung Malaysia ini, terutama sekali kepada rakyat negeri-negeri yang kurang maju. Kalau kita selalu dengar dalam berita-berita dan ulasan-ulasan mengatakan negara-negara membangun dan negara-negara yang sedang maju, maka kita juga

dalam Malaysia ada seumpama itu iaitu disebutkan negeri-negeri, ada negeri-negeri yang telah maju seumpama Selangor, Perak, Johor mungkin termasuk Pahang sebahagiannya dan ada negeri-negeri yang masih mundur baru cuba hendak membangun seumpama, terutama sekali Trengganu, kemudian Kelantan, Perlis, Kedah dan juga Sarawak. Dengan adanya pemberian melalui Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sebentar tadi, alhamdulillah semua rakyat akan mengucapkan syukur kepada Allah subhanahu wa taala dan akan menambah lagi satu doa oleh seluruh rakyat dalam negeri-negeri yang saya sebutkan tadi terutama sekali negeri Trengganu minta supaya dipanjangkan lagi umur Yang Berhormat Mulia Tengku ini supaya pada tiap-tiap tahun dapat beliau mengemukakan hadiah-hadiah yang boleh mendatangkan faedah kepada negeri-negeri. Tahun ini kita telah terima banyak hadiah. Kepada pencarum EPF telah diberi hadiah oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, baharu sahaja tak berapa lama kita telah dengar dan hari ini hadiah untuk seluruh negeri dan rakyat pula.

Tuan Yang di-Pertua, apa sebab saya katakan Trengganu sangat-sangat istimewa menghormati dan mengucapkan syukur di atas pemberian ini kerana negeri Trengganu adalah salah satu daripada negeri yang paling mundur dan paling miskin, salah satu saya katakan bukan satu dalam Semenanjung Malaysia. Kalau dahulu Trengganu ada juga sumber-sumber hasil melalui lombong bijih besinya yang dapat menampung segala perbelanjaan-perbelanjaan untuk pembangunan ataupun perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan, tetapi setelah ditutup lombong itu maka punca-punca kewangan yang besar telah hilang dan kita terpaksa bergantung kepada bahagian yang terbesar kepada pemberian-pemberian daripada Kerajaan Pusat melalui per kapita yang disebutkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi iaitu mengikut jumlah rakyat yang ada dalam negeri itu. Malangnya rakyat Trengganu tak berapa ramai. Banci yang lepas kita hanya ada lebih kurang 460,000. Kelantan ada lebih dari 800,000, nasib dia baik, dia dapat wang lebih daripada Persekutuan kerana rakyatnya ramai, kalau kira hasil lebih kurang sama juga, dengan negeri Trengganu, hasilnya tak cukup. Dengan kerana kemiskinan maka pembangunan negeri-negeri ini terbantut, tak dapat dijalankan dengan lancarnya sebagai-

mana yang berlaku ataupun yang terjadi di negeri-negeri saudaranya di Pantai Barat. Bahkan ada kalanya di negeri Trengganu ini berhutang kepada orang kerana hendak menjalankan pembangunan melalui kontraktor-kontraktor, berbulan-bulan baucer disediakan tetapi wangnya tak ada hingga timbul di kalangan mereka yang berkenaan mengatakan: kalau ada lagi projek negeri mereka tak mahu masuk tender. Saya bertanya apa sebab; jawabnya tak ada duit hendak bayar, melainkan projek-projek Kerajaan Pusat kerana ini dapat wang terus, boleh dibayar. Inilah kemiskinan yang sedang dialami oleh Kerajaan Negeri Trengganu. Dengan sebab itulah saya katakan tadi pemberian ini disambut dan sangat-sangat dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak tadi iaitu pemberian-pemberian ini mestilah juga diawasi supaya tidak disalahgunakan. Maklumlah wang ini kadang-kadangkala tidak dijaga betul-betul memang mudah sahaja dibelanjakan, mengikut kemahuan ataupun whims and fancies setengah-setengah yang berkuasa menjaga atau mengawal perbelanjaan tadi. Saya harap dengan pemberian ini kalau boleh hendaknya bukan sahaja wang yang mesti diberi tetapi juga alat-alat yang lain seumpama kakitangan (personnel) supaya dapat negeri-negeri yang tersebut melaksanakan projek-projek mereka dengan teratur dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun baru-baru ini umum telah mengetahui bahawa di negeri Trengganu akan kedatangan satu hasil baru iaitu hasil minyak yang sekarang ini sedang diheboh-hebohkan sehingga daripada gema atau bahang minyak ini terpaksa baru-baru ini Dewan Perundangan Negeri Trengganu bersidang sampai pukul 3.00 pagi kerana mereka mengharap-harapkan setelah mendapat pengisytiharan bahawa telaga minyak telah dijumpai di laut bertentangan dengan negeri Trengganu, mereka telah terbayang di hati masing-masing sekurang-kurangnya sebahagian daripada nikmat yang dirasai oleh rakyat Saudi Arabia, mereka juga akan dapat merasainya. Fasal apa, kita orang Melayu kalau Saudi dekat bagi mereka kerana tiap-tiap tahun mereka pergi ke sana. Apa yang berlaku di sana mereka lebih mengetahui daripada yang berlaku kadang-kadang di Sarawak atau Sabah walaupun

Sabah dan Sarawak dalam Malaysia sendiri, itu bagi kita orang Melayu. Sebab itulah saya katakan tadi Saudi baru sahaja merasai hasil minyaknya, bukan lama, tak begitu lama. Jadi kerana itulah mereka mengharapkan Trengganu pada satu hari akan datang sekurang-kurangnya kalau tak dapat 50% daripada hasilnya, 20% sekurang-kurangnya. Tetapi setelah masa hampir dekat dilaksanakan mereka mendapat khabar perusahaan minyak yang akan dijalankan di laut Trengganu itu pusat gerakannya tidak diadakan di negeri Trengganu. Jadi dengan kerana itu timbullah berbagai-bagai salah faham, bagi setengah-setengah orang yang mengetahui pusat gerakan ini tidak seberapa, yang kita perlukan hasilnya, royalty yang akan kita dapati 5% yang akan diberi oleh Kerajaan Persekutuan, itu memang banyak, jadi pusat gerakan itu apalah sangat. Tetapi bagi rakyat Trengganu oleh kerana mereka telah lama menunggu dengan sebab kekurangan, kemiskinan dan sebagainya, bila sedikit sahaja, besar bagi mereka sehingga timbul dalam Dewan itu kata-kata menggertak: kalau tidak dibuat pusat gerakan perusahaan minyak ini di negeri Trengganu mereka mahu meletakkan jawatan daripada menjadi Wakil Rakyat dan ada cadangan mengatakan patut Dewan Negeri Trengganu dibubarkan sebagai satu protest. Ini saya sebutkan sebagai contoh bagaimana harapan rakyat Trengganu serupa juga dengan rakyat-rakyat negeri lain berkehendakkan kepada kemajuan, berkehendakkan kepada pembangunan tetapi oleh kerana orang Trengganu selama ini memang terlampau baik sangat maka banyak orang telah naik atas kepala, semua peluang yang besar-besar ini terlepas. Telah beberapa kali saya syorkan di sini daripada dahulu lagi, sepatutnya dahulu pelabuhan Kuantan berada di dalam jajahan negeri Trengganu. Pada masa Committee pergi menyiasat saya tahu direkomenkan lebih baik dalam jajahan Kemaman daripada di Tanjong Gelam, Kuantan sekarang ini. Tetapi apa boleh buat, nasib, kerana baik sangat orang Trengganu, saya tak mahu sebut sesiapa, terlepas ke Pahang juga. Sekarang minyak pula, tetapi minyak oleh kerana telaga tak boleh dibawa lari, tak mengapalah tak boleh diusik. Telaga tidak boleh dibawa lari, tali timba pula disuruh taruh di tempat lain. Kalau hendak ceduk mesti ambil tali daripada sana, Walaupun perkara ini kecil sedikit-sebanyak diedar ke Pahang juga (*Ketawa*). Alasannya balik

kepada pelabuhan kerana katanya pelabuhan itu ada di Kuantan, tentulah pusat supply berkehendak menggunakan kemudahan-kemudahan yang banyak, kemudahan membawa supply melalui kapal dan sebagainya. Dia itu beralasan kepada pelabuhan.

Saya baharu mendapat kesimpulannya bahawa rupa-rupanya orang yang merancang ini daripada masa hendak membina pelabuhan dahulu sudahpun dirangkakan. Dia rancangan pelabuhan letak di Pahang supaya minyak juga akan dapat hasilnya di Pahang. Tetapi tidak apalah, kita serahkan kepada Allah Subhanahu Wataala. Orang Trengganu selain daripada baik, juga mereka itu sangat beriman dan loyal kepada pemimpin. Bila pemimpin kata begitu, kita akan turut walaupun pada mulanya buat bantahan juga. Tetapi sabar dan loyal itu lebih besar lagi. Kita sentiasa patuh, cuma saya bimbang begini sahaja, kadang-kadang kalau terlampau sangat ditekan-tekan, takut ia meletup. Ini sahaja yang susah. Saya bimbang itu sahaja, takut election sekali lagi, kita bimbang nanti susah Barisan Nasional ini. Kalaulah parti-parti lawan menggunakan issue ini dalam kempen-kempen politik, kempen-kempen pilihanraya nanti, orang-orang kampung, mereka tidak tahu apa ini semua, bila disebut ini, eh! betul katanya, kita dianaktirikan. Pemimpin-pemimpin tempatan negeri ini macam pak turut sahaja. Apa dibuat, ikut sahaja, nanti susah kita dibuatnya. Pilihanraya yang lepas Parti Rakyat hampir-hampir berjaya hendak menakluki Trengganu, maka saya bimbang yang akan datang kelak oleh kerana itu, saya harap melalui Tengku Tan Sri Razaleigh inilah satu-satu orang yang saya nampak orang yang paling baik dan paling bertimbang rasa sekali, kalau boleh, tolong menyuarakan sedikit kepentingan rakyat Trengganu ini, insya Allah, kita tidak akan lupa sekali-kali walaupun sampai ke akhir hayat kita.

6.12 ptg.

Tuan S. M. Vellayappa: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengalu-alukan Rang Undang-undang ini yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi.

Kaedah-kaedah Rang Undang-undang ini adalah sangat baik. Kesemuanya membahagikan secara saksama di antara negeri-negeri berdasarkan kepada bilangan penduduk yang tidak menyenangkan hati kerana

tujuan pemberian-pemberian yang dibuat kepada negeri-negeri ialah bagi maksud-maksud tertentu seperti perbekalan air, perumahan awam, kemajuan tanah, perusahaan dan lain-lain. Kemudahan-kemudahan ini sangat perlu dan kekurangan di dalam negeri-negeri yang kurang maju yang biasa diakui oleh Kerajaan. Yang demikian, pada hemat saya adalah lebih baik cara pembahagian dibuat mengikut keperluan negeri-negeri terutama sekali lebih banyak kepada negeri-negeri yang diakui kurang maju. Dengan cara yang sedemikian, pemberian-pemberian ini boleh digunakan untuk kepentingan dan kebajikan penduduk-penduduk di negeri-negeri yang kurang maju yang sangat menghendaki kemudahan-kemudahan yang dimaksudkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Namun demikian saya memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini dengan penuh harapan bahawa Majlis Kewangan Negara akan tetapkan projek-projek pembangunan seperti yang diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang ini di negeri-negeri yang kurang maju dengan mana issue-issue tidak menyenangkan hati dalam cara pembahagian pemberian-pemberian daripada Akta ini tidak timbul langsung. Negeri-negeri yang maju dan mempunyai kedudukan kewangan yang memuaskan sekarang seharusnya memberi simpati dan pertolongan benevolent terhadap negeri-negeri kurang maju.

Itulah teguran saya mengenai Bil ini dan saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan akan mengambil cadangan saya pada masa yang akan datang.

6.15 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh tadi iaitu pemberian ini adalah diberi kepada tiap-tiap negeri kerana pembinaan-pembinaan negeri ini. Apabila Kerajaan tiap-tiap negeri itu maju jaya bermakna juga Malaysia akan maju jaya. Pemberian ini bukanlah pemberian membazir tetapi adalah pemberian-pemberian yang mendatangkan hasil-hasil yang baik kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya datang daripada Selangor. Sungguhpun Selangor adalah satu negeri yang makmur tetapi Selangor, Kuala Lumpur yang dipandang orang sebagai satu bandar yang makmur tadi telah diberikan kepada Malaysia menjadi Ibukota Malaysia. Jadi janganlah pandang Selangor sekarang seperti adanya Kuala Lumpur dahulu yang kita mendapat hasil yang banyak daripada Kuala Lumpur, tetapi setelah dipisahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan baik hatinya telah memulangkan Kuala Lumpur. Dengan sebab itu, Selangor terpaksa memajukan pula negerinya. Selangor juga akan membangun seperti mana negeri-negeri yang lain, misalnya Batu Tiga atau Shah Alam, satu bandar yang akan membangun menggantikan Ibu Negeri Selangor. Begitu juga bandar-bandar yang lain yang mana dahulu ada dikatakan di Pudu misalnya, itu adalah satu daripada bahagian Kuala Lumpur ataupun dikatakan di Sungai Besi, adalah satu bahagian daripada Kuala Lumpur. Ini semua sudah tidak ada lagi. Dengan sebab itu, Selangor terpaksa membangun. Ini saya minta kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh sebagai Menteri Kewangan bukan kerana minta iaitu \$4.3 million ini memang akan diberi kepada Negeri Selangor sebagai bantuan kepada tiap-tiap negeri, tetapi yang saya minta sekarang kepada Kementerian Kewangan iaitu gantirugi yang diberi kepada Negeri Selangor yang telah dijanjikan \$50 juta itu akan diberi dan saya harap tiap-tiap tahun yang bakinya itu akan ditunaikan pada tiap-tiap tahun supaya dapat bandar Shah Alam itu dibangunkan menggantikan Kuala Lumpur.

Saya juga dapat tahu bahawa Menteri Kewangan, Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh telah berjumpa dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan telahpun berjanji untuk memberi \$50 juta ini pada tahun ini dan saya harap wang ini akan diberi dengan seberapa segera yang boleh, oleh sebab pada hari ini pembinaan Shah Alam terpaksa terhenti oleh kerana tidak ada wang untuk membiayai projek-projek yang ada di Shah Alam ini. Jikalau sekiranya Shah Alam terpaksa diberhentikan projek-projeknya, maka bangunan pejabat-pejabat di Kuala Lumpur tidak dapat dialihkan dengan seberapa segera. Pegawai-pegawai Negeri yang ada di Kuala Lumpur ini tidak dapat dipindahkan dengan serta-merta. Dengan sebab itu, saya harap kepada Yang

Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh akan menunaikan dengan seberapa segera wang ganti-rugi, ataupun yang lain kepada Kerajaan Selangor dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Datuk Mansor telah mengatakan bahawa negeri Trengganu adalah satu negeri yang mundur pada hari ini, tetapi sungguhpun Negeri Trengganu sebuah negeri yang mundur, ia masih lagi banyak tanah. Tanah-tanahnya masih banyak lagi yang boleh dimajukan. Pada hari ini kita dapati bahawa di muka laut atau di dalam laut yang berhampiran dengan Negeri Trengganu, terdapat sumber-sumber minyak yang akan mengkayakan Negeri Trengganu.

Tetapi bagi negeri Selangor apabila Kuala Lumpur telah ramai orang, orang-orang yang ada di dalam Kuala Lumpur terpaksa keluar daripada bandar Kuala Lumpur kerana bandar Kuala Lumpur ini kecil dan Selangor terpaksa menampung segala-galanya. Selangor terpaksa menampung squatters oleh sebab bukanlah Selangor berkehendakkan Kuala Lumpur menjadi ibu negara Malaysia, tidak. Tetapi oleh kerana tempatnya sesuai untuk dijadikan ibu kota Malaysia maka Kuala Lumpur kita telah beri kepada Kerajaan Persekutuan. Sekarang oleh kerana semua orang menumpu ke Kuala Lumpur oleh kerana pembangunan-pembangunan yang ada di Kuala Lumpur, factory banyak di Kuala Lumpur dengan sebab itu terutama sekali bumiputra yang tidak dapat nikmat hidup di kampung-kampung meleset, mereka telah datang ke Kuala Lumpur. Tidak ada tempat yang lain melainkan bersetingan di tepi-tepi atau di sekeliling Kuala Lumpur. Ini satu problem yang besar kepada Kerajaan Negeri dan ini terpaksa dibiayai terutama sekali untuk mendirikan rumah-rumah murah untuk mereka.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya sanjung tinggi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kerana bermurah hati memberi kepada Kerajaan Selangor sebanyak \$4.3 million ini.

6.22 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai wakil daripada Kerajaan negeri Johor, kalau Pahang boleh bercakap, Trengganu boleh bercakap, Selangor boleh bercakap, Melaka boleh

bercakap, semua negeri pandai bercakap, Kedah baharu sebentar bercakap, saya sebagai wakil Kerajaan Negeri Johor pun bangun bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini pada segi negeri Johor dan Kerajaan Johor adalah satu Undang-undang yang sangat tidak ternilai harga dan penghormatannya kepada Kerajaan Johor. Saya bagi pihak Kerajaan Johor mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Kerajaan Persekutuan. Peruntukan yang diberikan ini, inilah hasilnya Perlembagaan kita, Kerajaan kita yang bercorak sistem persekutuan. Kerajaan Persekutuan setiap masa, setiap saat kerana hendak mengambil hati Kerajaan-kerajaan Negeri maka di antara satu sejarah yang telah dibuat oleh Kementerian dan Kerajaan Persekutuan yang mana Kementerian Kewangan diketuai oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh, itu satu sejarah yang akan ditulis dengan tinta emas di tanahair.

Kepada negeri Johor lain pula hujahnya, Tuan Yang di-Pertua. Sebab negeri Johor sebuah negara di hujung tanjung, negeri yang mula-mula sekali dimasuki oleh pelawat-pelawat daripada luar negeri. Dengan keadaan itu patut Kerajaan Pusat memberikan perhatian penuh istimewa daripada negeri-negeri yang lain. Malahan pula, pembangunan negeri Johor adalah lebih pesat daripada negeri-negeri lain. Banyak projek-projek negeri lain tidak ada tumbuh di negeri lain tetapi tumbuh di negeri Johor, termasuklah juga perkara-perkara menampung projek-projek yang ada pada Kerajaan Pusat. Di antara perkara yang saya hendak katakan, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan negeri Johor mengalir air liurnya, kalau kami dahulu di Johor hasil ini kami dapat ialah hasil Kastam. Negeri Pahang tidak ada Kastam, negeri Trengganu tidak ada Kastam, kami Negeri Johor ada Kastam. Kalau ada Kastam hasilnya tidak selumayan yang dapat dikutip oleh Jabatan Kastam di negeri Johor. Dan Kerajaan negeri Johor sentiasa dari semasa ke semasa memelihara segala pejabat Kerajaan Persekutuan dan sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan. Sebab Kerajaan Negeri Johor memikirkan bertanggungjawab, kemajuan negeri Johor adalah kemajuan Kerajaan Persekutuan. Jadi dengan sebab itu menurut hemah saya, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan \$50 juta tidak

cukup. Tadi Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengatakan boleh dikaji balik, cuba timbangkan balik peruntukan kepada negeri Johor ini berilah \$100 juta, atau lebih daripada \$50 juta. Dengan murah hati Kementerian Kewangan ini dia akan timbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan tidak rugi hendak beri kami negeri Johor, hasil yang dikutip daripada Jabatan Kastam yang saya kata tadi, hasil daripada getah dalam Malaysia, tidak ada tempat. Tidak ada negeri yang banyak sekali, yang baik sekali mengeluarkan hasil getah yang bermutu ialah negeri Johor dan kutipan getah negeri Johor inilah yang menguntungkan Kerajaan Pusat. Tidakkah menasabah maka Kerajaan Johor patut diberikan lebih dari negeri-negeri yang lain. Malahan pula, Tuan Yang di-Pertua, dalam Bil ini ada mengatakan peruntukan yang patut diberi kepada Kerajaan-kerajaan negeri itu yang ada kaitan dengan pembangunan, pembekalan air, perumahan awam, kemajuan tanah dan perusahaan. Sebagaimana yang Yang Berhormat Menteri Kewangan itu pun sadar bahawa negeri Johor satu negeri yang membangun kalau kita kurang pesat membangun kita akan dapat dipandang oleh pelancung-pelancung luar negeri dan negeri jiran bahawa negeri Persekutuan ini tidak begitu maju. Jadi dengan sebab itu, satu perkara yang hendak dibuat di negeri Johor berhubung dengan bandar baharu dan juga dalam masalah air. Air sangat mustahak. Air yang hendak dibekalkan di Johor Tenggara, Bandar Baharu, di Muar, di Johor Bharu dan juga di projek Pasir Gudang. Sebab kalau tidak ada bekalan air ini, satu rupa kurang maju kepada negeri Johor akan terjejaslah juga Kerajaan Pusat. Dengan sebab itu, apa yang saya pohonkan itu adalah menasabah.

Yang kedua, dalam masalah perumahan awam. Dalam Malaysia ini tidak ada negeri yang banyak yunit hendak membuat rumah melainkan Kerajaan Johor, hampir 8,000 buah yunit rumah yang akan didirikan dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga. Seperkara lagi satu dalam masalah kawasan tanah perindustrian, ada dua lagi belum dapat dimajukan oleh sebab tidak ada peruntukan wang iaitu kawasan perindustrian di Segamat, Johor dan juga kawasan perindustrian di Tampoi. Masalah ini semua terbengkalai dengan sebab tidak dapat menyediakan kemudahan-kemudahan asas. Wang yang diminta kepada Kerajaan Pusat itu belum dapat digunakan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang patut diberikan perhatian oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa beliau pun mengakukan kecekapan pentadbiran Kerajaan Negeri Johor, kadangkala satu benda yang diisytiharkan oleh Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri Johor buat dengan awal dan dibuat dengan jangka yang lebih cepat. Satu daripada contohnya, Tuan Yang di-Pertua, Majlis Daerah-daerah. Majlis Daerah-daerah Negeri Johor sudah siap semua sekali, sembilan daerah telah dibuat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung esok hari.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari Selasa, 11hb Januari, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.